


Jilid I  
Bil. 17



Hari Jumaat  
7hb Januari, 1983

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1837]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan)**  
[Ruangan 1868]

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 1903]

MALAYSIA  
**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIF BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.P., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,  
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.  
(Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Jumaat, 7hb Januari, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

BUAH-BUAHAN—KESESUAIAN  
MENGIKUT NEGERI

1. Dato' Haji Mahmoud Salim bin  
Haji Mohamad minta Menteri  
Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri secara persendirian mengisytiharkan bahawa negerinya sebagai negeri buah yang tertentu seperti Perak mengisytiharkan sebagai negeri buah durian, dan Kedah sebagai negeri buah mempelam; dan
- (b) jika sedar mengapakah Kementerian tidak berunding secara menyeluruh dengan negeri-negeri dalam Malaysia dan diambil kata sepakat untuk menentukan negeri manakah yang patut dijadikan atau diisytiharkan sebagai negeri buah langsung, negeri buah duku, negeri buah manggis, negeri buah salak dan lain-lain lagi yang popular di Malaysia dan kemudiannya diadakan tabung bantuan untuk tanaman-tanaman tersebut menurut negeri yang telah ditetapkan itu.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian pada masa sekarang adalah di dalam proses menzoning keseluruhan Semenanjung Malaysia mengikut jenis-jenis tanaman dari segi kesesuaian tanah dan keadaan "agro-acclimatic", dengan izin. Buah-buahan adalah satu daripada jenis tanaman yang akan dikenalpasti mengikut kesesuaian tersebut. Apabila pengenalpastian ini siap, jenis-jenis buah-buahan yang sesuai bagi sesuatu negeri itu akan seterusnya digalakkan ditanam mengikut kesesuaian yang telah dikenalpasti tadi.

Buat masa ini di beberapa negeri seperti Kedah dan Perak adalah didapati bahawa buah-buahan tertentu khasnya mangga dan durian adalah sesuai untuk ditanam. Memandangkan kesesuaian ini dan juga keluasan yang ditanam dengan buah-buahan tersebut maka kedua-dua buah negeri telah mengadakan atau telah pun merancang pamer buah-buahan berkenaan. Walau bagaimanapun pertanian dan kegunaan tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri menurut Perlembagaan.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapakah negara kita ini tidak boleh mencontohi negeri Siam yang mengeluarkan buah-buahan yang bagus-bagus dan manis-manis seperti durian, mempelam dan macam-macam lagi.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kerajaan sekarang telah berusaha memastikan bagaimana yang disyorkan oleh beliau itu dan pihak MARDI sentiasa membuat kajian mengikut aturan yang tertentu daripada pihak Kementerian.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Adakah Kerajaan bercadang menentukan satu dasar yang baru bagi Kementerian Pertanian supaya Kementerian Pertanian menubuhkan satu anak syarikat atau satu badan yang lain untuk membuka ladang, macam dahulu MAJUTERNAK atau MAJUJIKAN khusus, sekarang ini Kementerian Pertanian membuka ladang sahaja. Sekarang ini Kementerian Pertanian cuma memberi nasihat sahaja. Saya takut kalau-kalau bak kata pepatah: Ketam mengajar anaknya berjalan betul, sedangkan dia sendiri berjalan tidak betul. Apa salahnya dibuka 3,000 ekar macam saya kata tempoh hari, tanam buah mempelam; 3,000 ekar lagi tanam buah-buahan yang lain supaya memberi contoh yang nyata kepada rakyat.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Syor yang dibawa oleh Yang Berhormat itu kita ambil perhatian.

## GURU AGAMA KHAS MENGAJAR QURAN

**2. Puan Ragayah binti Ariff** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan guru agama khas bagi mengajar Quran dan Tajwid yang ditempatkan di sekolah-sekolah Kebangsaan pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan guru agama khas bagi mengajar Quran dan Tajwid yang ditempatkan di sekolah-sekolah Kebangsaan pada masa sekarang kerana guru-guru agama biasa yang ada sekarang di sekolah kebangsaan telah pun dan sedang pun menjalankan tugas mengajar bacaan Quran dan lain-lain pelajaran agama kepada murid-murid sekolah kebangsaan mulai dari Darjah I hingga Darjah VI.

Kementerian berpendapat tiada mustahaknya untuk mengadakan guru agama khas bagi tujuan itu kerana jika guru-guru itu diadakan ia hanya akan menjalankan tugas bertindih dengan guru agama biasa yang ada pada masa sekarang.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya begini, apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya faham, tetapi saya fikir itu adalah langkah kebelakang sebab kita mengadakan pertandingan Quran peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa tiap-tiap tahun. Daripada mana murid kita dapat supaya kemahiran Quran itu timbul. Jadi kalau sekiranya puncanya tidak begitu betul, tentulah hujungnya tidak sempurna.

Soalan saya, Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan bercadang mengambilalih semua guru-guru di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran sebagai melepaskan Majlis Hal Ehwal Agama Islam mendirikan sekolah-sekolah petang supaya boleh mengajar Tajwid atau Quran.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuasa di bidang agama ini terletak di peringkat Kerajaan Negeri,

dipegang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Sultan-sultan di negeri-negeri. Seperti yang kita maklum juga Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri juga melaksanakan beberapa program mengenai agama ini. Jadi, saya juga tahu Jabatan Agama Islam Negeri juga mengadakan kelas-kelas Quran dan lain-lain. Kita juga tahu bahawa pusat-pusat untuk mengajar Quran ada juga ditubuhkan di negeri-negeri. Yang kita membincangkan di sini ialah mengenai sistem persekolahan yang mana di antaranya ada bidang agama. Jadi, seperti saya katakan tadi dalam bidang ini kita sudah pun sematkan apa yang dikatakan oleh pihak Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di bawah tadbir Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir hendak menerapkan agama Islam yang sebenar-benar dalam alam pendidikan khusus dalam alam pendidikan anak-anak kita di masa ini, saya amat terkejut mendengar Timbalan Menteri yang tersebut mengatakan hanya diajar oleh guru-guru agama pada masa ini. Setahu saya, Tuan Yang Dipertua, Quran dan Tajwid adalah paling penting sekali dalam menghadapi kitab Allah. Kalau kanak-kanak kita tidak diwujudkan benar-benar membaca Quran dengan Tajwidnya dalam masa pendidikan sekolah lagi, saya rasa sebagai keadaan sekarang amat tempang berkenaan dengan pelajaran ini.

Dalam zaman British pun pengajaran Quran dan Tajwid ini diadakan di seluruh sekolah di Tanah Melayu ini. Mengapa di zaman kita sudah merdeka dan di masa Perdana Menteri kita hendak menyerapkan agama sebenar-benarnya terutama di alam pendidikan kanak-kanak tidak

boleh dibuat di sekolah? Boleh dimasukkan dalam jadual-jadual yang tertentu supaya guru didikan agama, Tajwid dan Quran, intisari dalam agama yang sebenar-benar kitab Allah ini dapat disematkan dan diserapkan benar-benar kepada kanak-kanak sekolah.....

**Timbalan Yang Dipertua:** Soalnya apa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalnya, Tuan Yang Dipertua, mengapa tidak boleh?

**Timbalan Yang Dipertua:** Ya, cukup!

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Itu sahaja?

**Timbalan Yang Dipertua:** Ya, saya tidak mahu penjelasan.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak menyangkal apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai kepentingan agama. Seperti juga daripada jawapan asal daripada saya tadi saya menyatakan bahawa bahan-bahan ini ataupun unsur-unsur yang disebutkan itu sudah pun kita laksanakan menerusi pelajaran yang dilakukan oleh guru agama biasa yang ada sekarang.

Soalan asalnya menyebutkan sama ada kita perlu menambahkan guru-guru lain daripada guru-guru yang ada untuk mengajar Quran dan Tajwid selain daripada apa yang telah kita ada sekarang. Jadi saya sudah menjawab tadi bahawa ini tidak perlu.

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan terima kasih di peringkat awal tadi Yang Berhormat telah membuat pandangan mengenai hal ini dan kita akan mengambil perhatian.

## RUMAH-RUMAH ORANG TUA—KEMUDAHAN

3. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada tindakan positif akan diambil untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan dan mutu layanan dan perkhidmatan di rumah-rumah orang tua di negara kita ini agar mereka dapat hidup dengan lebih sempurna.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

Tuan Yang Dipertua, Rumah Orang-orang Tua memberi jagaan dan perlindungan seberapa sempurna, termasuk mengadakan bimbingan agama, rawatan perubatan, pulihcara kerja dan latihan vokesyenal, supaya mereka dapat hidup dengan selesa dan aman. Kementerian Kebajikan Am sentiasa mengambil tindakan positif untuk mempertingkatkan lagi kemudahan serta mutu layanan di Rumah Orang-orang Tua itu. Rumah Orang-orang Tua yang ditadbir oleh Kementerian itu adalah sebanyak 8 semuanya dengan seramai 2,238 penghuni-penghuni.

Selain daripada kemudahan-kemudahan yang saya katakan tadi, kemudahan-kemudahan lain seperti riadah, menonton televisyen, membaca suratkhbar dan aktiviti-aktiviti pergaulan juga diadakan. Untuk mempertingkatkan lagi kemudahan dan layanan yang sedia ada itu setiap Rumah Orang-orang Tua mempunyai sebuah Lembaga Pelawat yang terdiri dari orang-orang tempatan yang terpilih untuk menyumbangkan tenaga dan kemudahan sukarela supaya mereka yang tinggal di dalam Rumah Orang-orang Tua itu dapat hidup lebih sempurna lagi.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, sekarang kita melihat di pekan-pekan dan di kampung-kampung banyak orang-orang tua yang melarat lebih-lebih lagi di Wilayah Persekutuan ini kita tengok selalu.

Apakah tindakan Kementerian Kebajikan Am terhadap orang-orang tua yang melarat, yang tidur di tepi jalan dan sebagainya yang ada sekarang ini?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, saya percaya di mana kes-kes tertentu diketahui dan di mana telah disiasat orang tua-tua ini tiada anak-pinak dan juga mereka ini benar-benar daif maka mereka akan ditempatkan di rumah-rumah orang-orang tua.

Selain daripada itu, saya ingin juga menegaskan bahawa selain daripada 8 buah rumah orang-orang tua yang ditadbirkan oleh Kementerian Kebajikan Am ada terdapat beberapa puluh buah rumah orang-orang tua yang lain yang ditadbirkan pertamanya oleh Majlis Pusat Kebajikan sebanyak 86 rumah kecil dan 78 pondok untuk orang tua dan selain daripada itu ada pula sebanyak 17 pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mentadbirkan rumah orang-orang tua yang dapat meliputi 838 orang. Orang-orang tua yang melarat ini tidak sahaja diambil masuk di dalam rumah kebajikan atau rumah orang-orang tua yang ditadbirkan oleh Kementerian tetapi juga di bawah pentadbiran badan-badan sukarela ini ada juga rumah orang-orang tua lain yang boleh dimasukkan mereka.

## TV MALAYSIA—RANCANGAN

4. **Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan bahawa

dasar Kerajaan kita sekarang sedang menuju ke arah cita-cita hendak menjadikan Radio dan TV kita sebagai alat untuk menyampaikan semua rancangannya kepada seluruh rakyat negara ini berlandaskan sepenuhnya mengikut iklim dan keperibadian Malaysia yang berbilang kaum ini:

- (a) sama ada beliau dapat memberikan jangkamasa yang tertentu tentang bilakah penyiaran TV Khususnya dapat mencapai ke arah itu, iaitu mengandungi 100% memenuhi kehendak benar-benar bercorak mengikut keperibadian Malaysia yang dicita-citakan; dan
- (b) dengan pengisytiharan Dasar Pandang ke Timur yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, sama ada beliau bercadang hendak menukar sepenuhnya (semua) penyiaran filem-filem hiburan dari Barat yang disiarkan di TV kita sekarang yang mana terdapat banyak gambar-gambar yang tidak secocok dan bertentangan dengan keperibadian dan masyarakat Malaysia kepada filem-filem dari Jepun dan Korea pula bagi menggantikan tempat filem-filem hiburan dari Barat itu.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua,

- (a) Sebagaimana yang pernah diumumkan oleh Kementerian saya, TV Malaysia telah menetapkan tahun 1985 sebagai matlamat pencapaian 60% rancangan-rancangan tempatan yang mencerminkan keperibadian rakyat Malaysia.

Buat masa ini adalah sukar bagi TV Malaysia mencapai

taraf 100% rancangan bercorak tempatan kerana stesen-stesen TV adalah serba kekurangan dari segi penerbitan dan teknologinya. Bagaimanapun stesen-stesen yang lebih maju seperti NHK (Nippon Honto Kaja Kai) di Jepun dan BBC (British Broadcasting Corporation) United Kingdom juga bergantung kepada rancangan-rancangan yang diimport di antara 20% hingga 40%. Walaupun begitu, 100% rancangan tempatan ini dapat dicapai, saya berpendapat bahawa ianya tidak akan bermanfaat kepada rakyat di negara ini, kerana di zaman moden ini seluruh dunia sudah menjadi satu perkampungan sejagat (global village) dalam mana rakyat kita harus tahu perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia luar.

- (b) Penerbitan filem-filem dan rancangan-rancangan TV di Korea dan Jepun adalah berdasarkan "penggunaan sendiri" (local consumption, dan tidak untuk eksport not export oriented). Oleh yang demikian bilangan rancangan-rancangan yang dapat ditempah dari Jepun dan Korea adalah terhad dan tidak cukup untuk keperluan penjadualan kita. Jepun dan Korea sendiri masih memerlukan import rancangan-rancangan dari Barat. Selain dari itu bukan kesemua rancangan-rancangan dari Jepun dan Korea mengandungi semangat serta nilai-nilai yang dikehendaki dalam konsep "pandang ke timur". Oleh yang demikian, dalam pemilihan rancangan-rancangan import RTM akan memberi pertimbangan tentang nilai-nilai yang terbaik dari seluruh dunia.

## MENARIK BALIK SOALAN No. 5

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, soalan No. 5 ini ditarik balik kerana jawapan penuh telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri bulan lepas dan disiarkan sebagai penyata di dalam *Malay Mail*.

### KEDAI BEBAS CUKAI DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA

6. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meluaskan lagi kedai-kedai cukai percuma di Lapangan terbang Antarabangsa seperti yang terdapat di luar negeri; sama ada Kementerian ada rancangan untuk menjadikan Lapangan terbang Senai sebagai Lapangan terbang yang penting bagi kawasan selatan Malaysia Barat dengan kemudahan mendarat di waktu malam dan kemudahan-kemudahan yang lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang bercadang untuk meluaskan kedai-kedai bebas cukai di Lapangan terbang-lapangan terbang Antarabangsa Subang dan Pulau Pinang. Di Lapangan terbang Antarabangsa Subang, bangunan Terminal I yang sedang diperbesarkan akan mempunyai ruang-ruang yang lebih luas bagi kedai-kedai bebas cukai. Rancangan-rancangan sedemikian juga sedang dibuat di Lapangan terbang Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini rancangan juga sedang dibuat untuk

mengadakan kemudahan-kemudahan kedai bebas cukai untuk penumpang-penumpang yang tiba dari luar negeri termasuk rakyat Malaysia sendiri.

Mengenai Lapangan Terbang Senai pula, kerja-kerja pembesaran telah pun siap dijalankan dan kini boleh digunakan oleh pesawat-pesawat sehingga ke jenis B747. Kemudahan-kemudahan pendaratan waktu malam telah siap dipasang dan telah pun digunakan. Selain dari itu alat "Instrument Landing System" (ILS) akan siap dipasang pada bulan Julai, 1983. Keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan bagi projek ini ialah sebanyak \$47 juta.

Memandangkan kepada kerja-kerja pembesaran serta pemasangan alat-alat yang baru di Lapangan Terbang Senai, sudah pasti ianya akan menjadi sebuah Lapangan Terbang yang penting bagi Selatan Semenanjung Malaysia.

### GETAH, KELAPA SAWIT, PETROL, KAYU BALAK— MENSTABILKAN HARGA

7. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan telah mengadakan perhubungan antara negara-negara pengeluar getah, timah, kelapa sawit, petrol dan kayu balak untuk menstabilkan harga pengeluar jika ada, apakah kemajuan sekarang dan jika belum diadakan beri sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Uliis):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telahpun mengadakan hubungan yang rapat dengan negara-negara pengeluar bahan utama seperti getah, bijih timah, kelapa dan lada hitam bagi menstabilkan harga bahan-bahan ini. Hubungan ini amat penting di dalam usaha-usaha bersama untuk menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar khususnya dalam perkara penstabilan

harga pada paras yang ekonomik dan menasabah, pemasaran dan peningkatan penggunaan.

Sebagai sebuah negara pengeluar getah yang utama, Malaysia telah menjadi ahli Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dan juga Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO). Di dalam ANRPC, kita berusaha untuk memperjuangkan kepentingan negara-negara pengeluar getah asli dan dalam hal ini sektor-sektor industri di negara-negara ANRPC telah bersetuju menahan bekalan sebanyak 250,000 tan ke pasaran bagi mengawal kemerosotan harga dalam masa kemelesetan dunia ini.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli ANRPC juga telah membincangkan dan meneliti pelaksanaan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA), terutamanya operasi Stok Penimbal, supaya ia boleh mencapai kesan yang dikehendaki.

Mengenai perusahaan timah, Malaysia telah bekerjasama rapat dengan negara-negara pengeluar timah dan telah mencadangkan penubuhan satu Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) dengan tujuan mewujudkan satu organisasi yang boleh mempertahankan kepentingan industri timah umpamanya meningkatkan usaha-usaha penyelidikan khususnya mengenai kegunaan akhir timah.

Mengenai lada hitam Malaysia adalah menganggotai Persatuan Lada Antarabangsa (IPC). Dalam usaha untuk melindungi kepentingan pengeluar-pengeluar lada, satu skim harga eksport minima bagi gred Asta telah dijalankan di peringkat negara-negara ahli. Di samping itu kerjasama diadakan dalam penyelidikan dan pertukaran teknikal.

Mengenai kelapa pula, Malaysia juga menjadi anggota Asia Pacific Coconut Community (APCC) bagi tujuan yang sama seperti lain-lain pertubuhan negara-negara pengeluar.

Akhir sekali, mengenai kayu-kayan, Malaysia adalah terlibat secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat persediaan mengenai kayu-kayan tropika yang dianjurkan oleh UNCTAD di bawah rancangan bersepadu bagi barangan (integrated programme commodity) semenjak lima tahun yang lalu. Mesyuarat-mesyuarat persediaan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur atas asas-asas kerjasama dalam kayu tropika di antara negara-negara pengeluar dan pengguna di bawah satu perjanjian antarabangsa.

Mulai tahun ini mesyuarat selanjutnya adalah diperingkat perundingan bagi mewujudkan satu perjanjian antarabangsa mengenai kayu tropika.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya hendak bertanya dua sahaja berkenaan dengan getah dan bijih timah. Setakat kejatuhan harga yang begitu rendah kejatuhannya dari masa ke semasa iaitu getah dan bijih timah, sebab kita masyhur dalam dunia ini dua perkara ini sekarang, getah ini ada beberapa negeri yang kita sudah hantar penjualannya termasuk Russia, China Komunis dan Amerika. Adakah tiga-tiga negeri ini dan termasuk berapa buah negeri dalam dunia ini yang kita berjual beli bersabit getah dan bijih timah juga. Sebab boleh jadi kalau kita hadkan atau kita tuju-tuju sahaja negara dalam dunia ini untuk menjual perkara yang penting ini, mungkin negara-negara yang lain berasa kita tidak neutral, tidak sebagai semboyan kita, kita bebas. Bolehkah Yang Berhormat memberi faham di Dewan ini berapa negeri, terutama dua negeri

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Ulu Selangor, Gombak, Petaling, Kelang dan Ulu Langat yang diberi khidmat berkenaan oleh UDA.

Pada keseluruhannya saya berpuashati dengan program-program UDA di Negeri Selangor.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dapatkah UDA mengubahsuaikan fungsinya dalam aspek pembinaan rumah kediaman khususnya di kawasan-kawasan setinggan sebagai satu bantuan atau pertolongan kepada Kerajaan Negeri kerana maklum sahajalah perumahan di kawasan-kawasan setinggan itu menjadi beban yang amat berat kepada Kerajaan Negeri?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, kerja-kerja seperti itu adalah ditugaskan dan ditanggungjawabkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi tiap-tiap sebuah negeri dan di Selangor pihak PKNS adalah diberi tanggungjawab utama dalam hal ini.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Tuan Yang Dipertua, apa yang saya hendak bertanya ialah bolehkah UDA mengubahsuaikan fungsinya dengan beralih kepada pembinaan rumah?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Sebenarnya UDA ada berbuat demikian, tetapi tidaklah dengan secara langsung iaitu dengan tujuan hendak membina semula kawasan setinggan. Ada terdapat di kawasan-kawasan tanah di mana UDA memiliki tanah itu atau telahpun ditugaskan membangun tanah itu terdapat banyak setinggan dan dalam hal seperti ini penempatan semula setinggan itu memang dijalankan oleh UDA.

## KOMPUTER—PENGUNAAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN

**9. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menggunakan komputer di jabatan-jabatan Kerajaan seperti bahagian pinjaman perumahan, pejabat-pejabat tanah, pejabat-pejabat buruh dan lain-lain.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang Dipertua, penggunaan komputer di jabatan-jabatan Kerajaan telah bertambah dengan pesatnya. Dalam tahun 1970 terdapat 12 buah komputer di agensi-agensi Kerajaan termasuk badan-badan berkanun. Bilangan ini meningkat kepada 111 dalam tahun 1980 dengan tidak mengira pemakaian mesin-mesin elektronik lain yang mempunyai sebahagian daripada fungsi-fungsi komputer. Keperluan menggunakan komputer di sesuatu pejabat perlu dikaji secara mendalam supaya tidak menimbulkan pembaziran. Komputer-komputer besar juga boleh digunakan bersama dan tidaklah mustahak bagi tiap-tiap satu agensi Kerajaan mempunyai komputer sendiri. Kerana harga atau sewa komputer adalah mahal, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya semua komputer yang sedia ada digunakan sepenuhnya sebelum diluluskan sebarang permohonan oleh agensi lain untuk mendapatkan komputernya sendiri.

Bahagian Pinjaman Perumahan telahpun menggunakan komputer dalam kerja-kerja penyimpanan rekod-rekod pinjaman sejak tahun 1976 dengan menggunakan komputer di agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Telekom dan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

- dikehendaki melawat tapak untuk membuat taksiran dan seterusnya menyediakan satu senarai bulanan projek-projek dalam pelaksanaan yang mana pembayaran kemajuan sepatutnya dibuat. Senarai-senarai ini juga mengandungi butir-butir yang lengkap seperti nama-nama pegawai yang bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kemajuan serta dengan tarikh-tarikh tertentu. Semua Pengarah dan Ketua Unit ini dikehendaki menentukan bahawa semua pembayaran kemajuan dibuat mengikut tarikh-tarikh yang disenaraikan.
- (2) Kementerian juga telah menentukan supaya program bayaran kemajuan diinitiate ataupun dimulakan oleh pegawai sendiri bukan lagi seperti dahulu di mana pembayaran dibuat selepas pemborong membuat permohonan supaya pembayaran itu dibuat.
- (3) Semua Pegawai JKR yang bertanggungjawab menyediakan pembayaran juga dikehendaki membuat bayaran kemajuan pertama sungguhpun perjanjian rasmi kontrak belum ditandatangani dengan syarat surat setuju terima dan deposit cagaran serta polisi-polisi insuran dapat dikemukakan.
- (4) Arahan Perubahan Kerja (Variation Order) dikehendaki disediakan pada waktu kerja itu dijalankan supaya bayaran kerja-kerja tambahan dapat disediakan beserta dengan bayaran kemajuannya dan juga dengan itu Penyata Kira-kira Terakhir dapat dibuat lebih awal lagi.
- (5) Semua Pengarah Cawangan dan Pengarah Negeri dan juga Ketua Unit Khas JKR diarahkan membuat pemeriksaan secara mengejut ke atas sesuatu proses pembayaran bagi sesuatu kontrak tertentu untuk mengatasi segala kelewatan menyediakan pembayaran.
- (6) Selain daripada itu sekiranya terdapat pembayaran yang sengaja dilewatkan, maka tindakan tatatertib termasuk "surcharge" akan diambil ke atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.
- (7) Bagi kontraktor-kontraktor tempatan tidak ada lagi wang simpanan (retention money), cuma yang dikehendaki ialah deposit cagaran (performance bond) yang bernilai sebanyak lima peratus daripada harga kontrak dalam bentuk insurans gerenti atau bank gerenti. Kerajaan tidak lagi menyimpan wang tunai sebanyak lima peratus dalam tempoh kecacatan seperti yang biasa di buat di masa lalu.

**Puan Hasanah binti Haji Mohd.**

**Kasim:** Soalan tambahan. Setelah saya mendengar berkenaan dengan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat tahu iaitu lebuhraya Jeli ke Gerik adakah pembayarannya telah dijelaskan ataupun belum, kerana telah didapati jalannya baru yang bermula tahun 1982, hingga awal tahun 1983 (hingga sekarang) sudah rosak. Adakah keadaan yang tidak memuaskan semacam itu kerana pembayarannya belum selesai dibuat ataupun bagaimana? Harap dapat dijelaskan.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, kerja-kerja besar pada umumnya telah dijalankan oleh pihak JKR sendiri. Kontraktor yang sedang menjalankan kerja sekarang ini ialah untuk menaikkan taraf jalan itu.

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH—KRITERIA PEMILIHAN PELAJAR

**12. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah kriteria bagi pemilihan penuntut-penuntut untuk sekolah-sekolah yang berasrama penuh; dan
- (b) apakah butir-butir mengikut pecahan kaum bagi penuntut-penuntut di sekolah yang berasrama penuh.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua,

- (a) pemilihan masuk pelajar-pelajar ke sekolah berasrama penuh ditentukan oleh keputusan peperiksaan penilaian darjah lima. Keutamaan adalah diberi kepada pelajar-pelajar dari luar bandar. Selain dari itu pemilihan juga bergantung kepada jumlah tempat yang ada di sekolah-sekolah tersebut.
- (b) Pada tahun 1982, jumlah pelajar di sekolah berasrama penuh ialah 12,964 orang. Pecahan mereka mengikut kaum ialah:

Bumiputera .. 12,383 orang  
(termasuk Bumiputera dari Sabah dan Sarawak)

Cina .. 299 orang  
India .. 182 orang  
Lain-lain .. 100 orang

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya soalan (a) yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Keutamaan akan diberi untuk asrama penuh ialah penilaian Darjah V datangnya dari luar bandar. Di sini saya ingin bertanya, bagaimana pula dengan murid-murid Darjah V yang datang daripada kawasan-kawasan setinggan yang duduk di dalam bandar, memandangkan keadaan mereka itu lebih daif daripada duduk di luar bandar. Bagaimana keadaan mereka, adakah dapat pertimbangan untuk masuk ke asrama-asrama penuh di sekolah-sekolah kita di seluruh Malaysia ini?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin menerangkan bahawa bagi kemasukan ke Tingkatan I, 1983 dalam asrama penuh 70% adalah daripada kemasukan diberi kepada pelajar luar bandar dan bakinya 30% diberi kepada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah bandar. Pemilihan adalah dibuat dengan menggunakan komputer. Dalam rangka pemilihan yang dibuat kepada 30% pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah bandar ini juga ada termasuk mereka yang datang daripada kawasan-kawasan setinggan yang mana murid-murid ini belajar di sekolah-sekolah dalam bandar. Selain daripada itu kita juga membuat perkiraan untuk diberi peluang kepada anak-anak setinggan tadi kerana memang kita faham bahawa jumlah besar setinggan-setinggan tadi datangnya, asalnya daripada luar bandar juga.

**Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Saya amat tertarik mengenai perkara kemasukan penuntut-penuntut dan

pemilihannya ke asrama penuh ini. Kalau pihak Kementerian menyerahkan semata-mata dan sebulat-bulatnya kepada komputer untuk menyelesaikan soal pemilihan ini rasanya adalah sangat tempang. Sebab kadangkala apakah pihak Kementerian akan juga memberikan perhatian ada setengah penuntut daripada darjah I hingga ke darjah IV kebetulan dia di luar bandar tetapi oleh kerana keadaan pertukaran bapanya atau ibunya dia duduk masa waktu darjah V di dalam bandar maka keputusannya baik tetapi telah tidak dapat dipertimbangkan mengikut kriteria yang disebutkan tadi. Adakah pihak Kementerian akan memberi pertimbangan-pertimbangan kemanusiaan yang lain selain daripada melepaskan bulat-bulat kepada pihak komputer ini.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, masalahnya ada kaitan dengan angka yang mana pada akhir-akhir ini kita dapati bahawa jumlahnya sudah sangat meningkat. Selain daripada itu tempat-tempat yang boleh kita sediakan juga adalah terhad. Jadi untuk memproseskan dalam masa yang cepat kita terpaksa menggunakan sistem moden. Dengan itu kita memperkenalkan pemilihan secara komputer.

Saya ingin juga menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya murid-murid itu datang daripada luar bandar dan selepas itu bersekolah pula di bandar, ini bermakna murid-murid itu sudahpun mempunyai peluang untuk mengikut pendidikan di sekolah-sekolah yang sudah mempunyai kemudahan yang baik, guru-guru yang baik dan sebagainya. Matlamat asal untuk memberi peluang kepada murid-murid kita daripada luar bandar belajar di sekolah berasrama penuh ialah kerana kita mengetahui kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah

luar bandar itu adalah tidak mencukupi, jadi ini maksud asalnya. Dan kita tahu kalau dibandingkan sekolah-sekolah bandar ini prestasinya adalah tinggi. Jadi kalau murid-murid itu sudah pun berpeluang untuk mengikuti sekolah-sekolah yang baik, saya rasa keutamaan tidak seharusnya diberi lagi.

### PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN JABATAN PARIT DAN TALIAIR MALAYSIA

**13. Tuan Basharom bin Hanafiah** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa ramai pemborong-pemborong kelas A, B, BX, C dan D, yang berdaftar dengan Jabatan Parit dan Taliair Malaysia dan dari jumlah yang tersebut berapa ramai pemborong-pemborong bumiputera mengikut kelas masing-masing.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang Dipertua, jumlah pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Parit dan Taliair Malaysia pada masa ini adalah seperti berikut:

*Pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Parit dan Taliair Malaysia*

Kelas A	..	124
Kelas B	..	81
Kelas B	..	62
Kelas C	..	164
Kelas D	..	158
		—
JUMLAH	..	589
		—

*Pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Parit dan Taliair Malaysia*

Kelas A	..	14
Kelas B	..	11
Kelas BX	..	11

Kelas C ..	18
Kelas D ..	12
	—
JUMLAH ..	66
	—

Angka-angka ini tidak termasuk yang berdaftar dengan negeri-negeri kerana ianya di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandangkan jumlah yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pemberian kepada kaum bumiputera terlalu kecil dari jumlah 589 keseluruhannya hanya 66 jumlahnya iaitu sebagaimana yang diterangkan tadi. Di sini saya ingin bertanya adakah Kerajaan ataupun Jabatan Parit dan Taliair ini berhajat untuk melebihi lagi kuota bagi bumiputera sebagaimana yang ada pada hari ini.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kita sedia maklum tentu sekali kita akan memberi peluang kepada para kontraktor-kontraktor bumiputera kerana kita di Malaysia ini untuk melibatkan diri dalam bidang memajukan negara kita. Akan tetapi kita juga harus ingat para kontraktor bumiputera kita harus juga mempunyai pendidikan ataupun pengalaman yang baik untuk memajukan ataupun untuk kepentingan negara kita.

#### MENARIK BALIK SOALAN No. 14

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam.

**Dato' G. Pasamanickam:** Tuan Yang Dipertua, saya menarik balik soalan No. 14 kerana saya fikir perkara-perkara tersebut sudah dapat diimplimentasikan oleh Kerajaan.

#### ELAUN KERAIAN DAN ELAUN PERUMAHAN—MENARIK BALIK

**15. Tuan K. Kumaran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan kemungkinan menarik balik Elaun Keraian dan Elaun Perumahan yang diberi khas kepada Pegawai-pegawai Kerajaan "Tingkatan G" ke atas memandangkan kemelesetan ekonomi negara ini, sehingga keadaan mengizinkan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, walaupun langkah-langkah berjimat telah diambil seperti membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong yang tidak bercorak teknikal dan pengwujudan jawatan-jawatan baharu serta pemeringkatan jawatan-jawatan yang sedia ada dalam usaha mengurangkan perbelanjaan, belum lagi sampai peringkatnya bagi Kerajaan menyemak semula kadar gaji dan elaun-elaun dengan tujuan untuk mengurangkan atau menarik balik mana-mana elaun termasuklah elaun keraian dan elaun perumahan yang dibayar sekarang.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain:** Soalan tambahan. Soalan tambahan saya, Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan menimbangkan permohonan daripada golongan Tingkatan IV dan IMG mohon sewa rumah supaya dapat diluluskan kerana memandangkan bantuan daripada yang tinggi lebih tinggi dan yang rendah masih rendah. Jadi, kalau sekiranya supaya Kerajaan yang adil dan kita juga mempunyai tanggungjawab permohonan daripada pihak yang tertentu supaya memberi sewa rumah kepada Tingkatan IV dan IMG itu boleh ditimbangan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan memberi perhatian atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

## KERAJAAN MENYEWAWA BANGUNAN SWASTA

16. Dato' Chin Kim Yoong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak lagi Kementerian/Jabatan Kerajaan yang masih menyewa bangunan swasta;
- (b) berapa banyak jumlah wang sewaan yang terlibat tiap-tiap tahun; dan
- (c) sama ada Kerajaan ada jangka masa bagi semua Kementerian/Jabatan mempunyai pejabat sendiri.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, jawapan:

- (a) Kesemua Kementerian menyewa ruang pejabat di bangunan swasta di Wilayah Persekutuan dan Petling Jaya kecuali Kementerian Luar Negeri.
- (b) Mengenai jumlah perbelanjaan yang terlibat pihak Kerajaan terpaksa membayar sebanyak \$36,068,300 setahun atau \$3,005,691.70 sen sebulan untuk menyewa bangunan swasta yang dijadikan pejabat-pejabat Kerajaan.
- (c) Kerajaan tidak ada jangka masa bagi semua Kementerian/Jabatan untuk mempunyai bangunan sendiri. Walau bagaimanapun, memang ada rancangan untuk membina bangunan-bangunan pejabat yang baru.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Timbalan Menteri yang berkenaan menyebutkan semua Kementerian menyewa daripada bangunan swasta kecuali Kementerian Luar Negeri. Saya suka bertanya, pertama, apa sebab hanya Kementerian Luar Negeri sahaja

agaknyanya yang dibiayai atau dibeli oleh Kerajaan sendiri. Apa sebab?

Kedua, berapa harganya mendirikan rumah Kementerian Luar Negeri ini? Mana tahu minyak kita banyak, pada satu masa kita menunjukkan Kerajaan berkudrat, berdaya-upaya untuk membangunkan lagi supaya jangan memalukan, bunyih macam gong besar tetapi Kerajaan sendiri menyewa di bahagian swasta seolah-olah swasta berkuasa di atas Kerajaan negeri ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, setiap Kementerian memang dari satu masa ke masa yang lain memerlukan ruangan tambahan, akan tetapi bagi Kementerian Luar Negeri kebanyakan ruangan tambahan yang diperlukan terletak di ibu negara-ibu negara di mana negara Malaysia mengadakan perwakilan diplomatik. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan seperti saya tegaskan tadi, Kerajaan memang ada cadangan untuk membina bangunan sendiri bagi beberapa agensi Kerajaan. Misalnya, Kerajaan telah bersetuju bagi 9 agensi Kerajaan membina bangunan-bangunan pejabatnya di kawasan Jalan Duta, luasnya lebih kurang 220 ekar dan perbelanjaan sebanyak \$156 juta diperlukan. Projek-projek telah diluluskan dan sekarang dalam beberapa peringkat pertimbangan dan pelaksanaan.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya perkara ruang pejabat. Bila saya menziarah pejabat-pejabat Kerajaan nampaknya pejabat-pejabat pegawai yang tinggi dan Menteri-menteri juga seperti dewan besarnya satu-satu pejabat, dengan ada tempat mandi, tempat buang air dan tempat beristirehat, semua ada disitu Tuan Yang Dipertua. Jadi, saya ingin tahu sama ada di masa sekarang di musim kemarau ekonomi

kita, prinsip berjimat-cermat menggunakan ruang pejabat-pejabat ini dikaji betul-betul oleh pakar-pakar (experts) di dalam Kementerian, seperti pejabat Organisation and Method Study yang ada di pejabat Kerajaan, sama ada kajian ini dibuat atau tidak?

Yang kedua, baru-baru ini saya baca, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarah pejabat-pejabat Kerajaan menggunakan pejabat secara pelan (open space plan) supaya ruang-ruang membazir itu dapat digunakan dengan cermat. Saya ingin tahu dari segi itu sama ada arahan itu diimplementasikan atau tidak. Jika diimplimentasikan sebanyak mar diimplimentasikan, 5% atau 100%.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama, ruangan pejabat yang diperuntukkan untuk seorang Menteri atau pegawai adalah selaras dengan statusnya, kerana kita harus menjaga maruah Kerajaan, kita ada pelawat-pelawat asing datang dari luar negeri, ada pelawat-pelawat dari pihak sektor swasta, jadi ruangan pejabat itu selaras dengan status pegawai atau Menteri yang berkenaan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk menjimatkan kegunaan ruangan pejabat melalui konsep pelan terbuka. Pelan ini dijangka akan menjimat sebanyak 20 atau 25% ruangan pejabat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pelan ini sedang dijalankan dan semua pejabat-pejabat baru atau pejabat-pejabat tambahan diperlukan mengikut sistem pejabat pelan terbuka, malangnya saya tidak dapat memberi satu percentage yang tepat tetapi ini sedang dilaksanakan.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Aljamlud:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri, sebagai tindakan segera dan sementara kita menunggu pejabat-pejabat siap bagi Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang akan mendirikan bangunan masing-masing, tidaklah ada dalam rancangan Kerajaan supaya pejabat-pejabat itu berpindah daripada pejabat-pejabat swasta yang dikatakan itu kepada bangunan Dayabumi yang mengandungi 50-60 tingkatan kerana Dayabumi itu kita tahulah sahamnya yang besar adalah dipegang oleh UDA, iaitu satu agensi Kerajaan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang Dipertua, Dayabumi masih belum siap.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (6hb Januari, 1983).

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain.

3.57 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana petang semalam saya menyatakan, Pahang mengalu-alukan bukan sahaja oleh rakyat tetapi dengan hati, jiwanya supaya ia ditubuhkan di negeri Pahang. Jadi, mohonlah kepada Dewan ini, kepada Ahli Yang Berhormat sekalian supaya menyokong pandangan saya dan tidak membangkitkan tempat atau tapak diubah ke tempat lain. Dengan cara itu dengan sendirinya Dewan ini menyokong bagi ditempatkan di Frazer's Hill.

Tuan Yang Dipertua, Frazer's Hill ini ialah satu tempat peranginan yang baik, tempat yang bagus kita letakkan penuntut supaya otaknya sihat dan kita minta kepada Kerajaan mencadangkannya supaya ditembusi satu jalan daripada Ulu Yam atau Batang Kali terus ke Frazer's Hill sebab rancangan ini melalui tanah orang perseorangan, melalui tanah estet dan sebahagian kecil melalui liku-liku yang memohon belanja yang agak lebih untuk menyempurnakan perjalanan. Kemudahan perjalanan ini perlu dan saya merayu kepada Kerajaan di samping membuat program untuk Universiti Islam ini juga dirancangan sama jalan tersebut. Jalan ini panjang kesahnyanya iaitu setelah mempersetujui pada masa dahulu, akan tetapi keadaan wang dan pembangunan kita tidak selaras, maka rancangan itu terbantut. Inilah masanya, boleh dibuat bersambilan dengan penubuhan Universiti Islam, bukan sahaja untuk penuntut, untuk rakyat di Kuala Lumpur yang penuh sesak, tidak ada tempat yang hendak pergi pada waktu rihat, dengan jalan ini boleh berihat di Frazer's Hill dan kita harap dalam masa yang tidak lama, mudah-mudahan dalam perintah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan membuat satu jalan daripada Frazer's Hill ke Genting yang jauhnya cuma 10 batu sahaja lagi.

Tuan Yang Dipertua, kepada beberapa sahabat saya bukan Melayu dengan penubuhan Universiti Islam ini tidak sekali-kali mengambil hak mereka, sebab baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan tambahan 10,000 penuntut dalam 5 universiti yang ada dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengumumkan sebuah universiti lagi akan dibangunkan yang dipanggil universiti keenam yang dicadangkan di Kedah. Saya bersetuju dengan pandangan ini, sebab di Johor akan ditempatkan Universiti

Malaysia, di Pulau Pinang sudah ada, di Kelantan ada Nilam Puri dan di Sarawak sudah ada universiti di Bintulu. Kalau mengikut prinsip dan pelan asal bangunan yang dibuat itu akan menjadi kampus yang besar yang dengan sendiri diakui sebagai universiti dan boleh memuatkan tidak kurang daripada 6,000 orang. Jadi masalah meletakkan tapak Universiti Islam, saya mohonlah dengan rendah hati kepada Ahli-ahli Dewan sekalian sahabat saya yang dihormati supaya menyokong pandangan saya.

Tuan Yang Dipertua, dalam masa saya membahaskan Bil ini, saya suka juga mengingatkan Kerajaan atas dua perkara. Pertama ialah ahli Majlis, sebab ada ura-ura Kerajaan akan mengambil ahli-ahli negara yang menganjur universiti ini akan dijadikan ahli Majlis. Tuan Yang Dipertua, secara langsung orang Arab adalah satu bangsa yang baik tetapi satu bangsa yang mudah sangat tersentuh fikirannya tetapi mudah balik baik semula. Jadi kita harus mengkaji falsafah bangsa Arab itu sendiri. Jadi dengan banyak sangat mengambil ahli-ahli Majlis daripada bangsa Arab menjadi ahli Majlis, saya takut perkara ini akan berlaku. Apabila pandangannya tidak diterima akan membawa balik pandangan kepada Kerajaan negaranya dan Kerajaan negaranya akan berasa tidak puas hati dan akhirnya perjalanannya akan membuat kejayaan, sedangkan kita tahu Universiti Islam ini adalah satu percubaan bukan sahaja membanyakkan cendekiawan, cerdik pandai tetapi akan menjadi satu pelopor tempat mengambil ilmu daripada falsafah Islam. Jadi ini juga kelak akan menjadi satu bandingan mungkin pada Kerajaan akan datang mencontohi sistem negara kita ini pada satu sistem yang dianjurkan yang dibuat dari Universiti Islam.

Jadi dengan wujudnya universiti ini kelak akan mengubah sistem pelajaran kita daripada kita memandangkan ke

Timur, selepas meniru Barat kita mempunyai identiti kita sendiri iaitu falsafah Islam. Ini juga menjadi satu cabaran kepada orang bukan Melayu dan kita harap orang-orang bukan Melayu sahabat kita dalam negara kita ini daripada berbilang kaum supaya mereka tidak terpengaruh oleh hasunah orang yang tidak suka wujudnya Universiti Islam sendiri.

Sebagaimana saya katakan tadi dengan tambahan penuntut 10,000 lagi dalam lima-lima universiti dengan ditubuhkan universiti keenam ini akan memberi peluang kepada mereka. Kalau dikira-kirakan, mempelajari falsafah Islam, sains dan teknologi yang menggunakan bahasa Arab dan bahasa Inggeris itu tidak boleh menjadi salah kepada orang bukan Melayu. Janganlah timbul seperti pada satu waktu dahulu pada masa mula-mula ditubuhkan Bank Bumiputera yang dikatakan bank itu "bank Melayu". Silap, Tuan Yang Dipertua.

Kita tahu modal diberi oleh Kerajaan \$10 juta sama ada grant atau loan itu terpulanglah mengikut perjanjian tetapi bank itu bukan bank Melayu, hanya dipinjam daripada perkataan bumiputera kerana zahirnya di bawah anjuran satu Kongres Ekonomi Bumiputera, sebuah penubuhan yang besar dalam negara ini dipanggil dia Bank Bumiputera—bank anda pula. Kalau sekiranya dari segi penyimpan tidak masuk simpanan tak adalah bank anda itu.

Tuan Yang Dipertua, inilah gambaran yang kita takuti perpaduan antara kaum akan pecah dengan tertubuhnya Bank Islam dan ditubuhkan Universiti Islam, Islam, Islam, Islam. Jadi nanti pada perhatian mereka tidak ada tempat mereka hidup di bawah naungan Kerajaan atau negara Malaysia ini. Dalam Perlembagaan kita sudah menyatakan kebebasan beragama

pada tiap-tiap kaum, kebebasan bercakap asalkan jangan sampai membuat perkara perpecahan kaum dan sebagainya. Ini sudah dijamin dalam Perlembagaan. Saya mohon kepada orang-orang bukan Melayu, orang Tionghua, orang India atau lain-lain bangsa supaya memikirkan itu satu perkembangan dan kemajuan negara kita dalam Abad 20 ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga hendak memberi pandangan saya kepada Kerajaan supaya bilangan penuntut itu harus ditimbang. Dalam berita akhbar, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan 1/3 ditetapkan penuntut local atau tempatan, bermakna dalam percubaan pada bulan Jun, 1983 kelak akan diwujudkan 180 orang penuntut daripada jumlah percubaan yang ditubuhkan di Petaling Jaya di bawah pengawasan pegawai-pegawai yang ada sekarang. Jadi bermaknalah 1/3 daripada 180 cuma 60 sahaja pelajar tempatan. Saya mohon Kerajaan menimbang supaya percentage itu dinaikkan walaupun kalau ada kekosongan untuk 60 orang itu atau diisikan oleh orang tempatan tetapi pada hakikat rasminya kita mempunyai hak 1/3 sahaja.

Saya mohon pada Kerajaan mengimbangkan sekurang-kurangnya 45%-50% ditetapkan orang local kerana 40%-50% itu bukan terjumlah kepada Melayu atau bumiputera tetapi terbuka kepada orang yang bukan Melayu juga yang mengakui ianya warganegara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya juga terpaksa bercakap sedikit iaitu mengikut Rang Undang-undang ini Peguam Negara menjadi anggota Majlis Universiti. Saya bersetuju atas kemasukan Peguam Negara menggantikan Peguamcara pada masa dahulu dan kalau kiranya Peguam Negara sebagai Ahli Parlimen, Jabatan Kehakiman dan kakitangan

yang berkenaan boleh mengantikan. Ini sangat baik, kerana ia seimbang dengan kemasukan penasihat daripada luar tetapi walau bagaimanapun bilangan yang saya katakan tadi hendaklah dibesarkan daripada ahli tempatan. Saya tidak menyentuh Senet Universiti itu, saya menyentuh anggota Majlis Universiti. Jadi saya mohon supaya bilangan itu ditambah, kalau boleh ada wakil Ahli Majlis Agama Negeri-negeri yang dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia dalam persidangan Majlis-majlis Raja-raja dalam Majlis Universiti. Jadi dapatlah kita menyemakan kedudukan bukan sahaja menghormati tetapi ianya menjadi betul-betul satu Universiti Islam dengan pandangan kita yang menghormati Ahli Majlis Ugama Islam Negeri dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Duli Yang Maha Mulia Majlis Raja-raja Melayu.

Tuan Yang Dipertua, pada akhirnya, saya tidak mengambil masa panjang, hanya satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan. Kerana bahasa pengantar di universiti itu ialah bahasa Arab dan bahasa Inggeris, saya mohon Kementerian Pelajaran membuat satu program yang tertentu, sebab saya difahami sekarang ini di sekolah-sekolah agama, di sekolah-sekolah Arab, bahasa Arab itu adalah sebagai satu bahasa matapelajaran dan kurikulumnya ialah menggunakan Bahasa Kebangsaan. Jadi kalau sekiranya disifatkan bahasa Arab mesti menguasai, saya takut kemahiran bertutur dengan bahasa Arab itu sebaik-baiknya sebagaimana orang yang belajar Arab seterusnya.

Saya tidak merendahkan Kementerian Pelajaran atas usahanya, akan tetapi pada saya tidak begitu berjaya pengajaran bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Kebangsaan. Saya kata tidak begitu berjaya, bukan tidak berjaya, jadi bermakna bila sampai pada Tingkatan Lima atau Enam

lulus, diberi lagi setahun atau dua tahun, itu menunjukkan dia tidak cukup, yang dia pelajari bahasa Inggeris, ini dalam Tingkatan Satu, Tingkatan Dua, Tingkatan Tiga, Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Jadi, saya mohonlah kepada Kementerian Pelajaran berunding seberapa baik yang boleh dengan Kerajaan-kerajaan Negeri atau kuasa-kuasa agama dalam negeri, biar ular menyusup akan tidak hilang bisanya, jangan kita angkuh pada permulaan.

Saya masih ingat Tuan Yang Dipertua, beberapa bil dibawa ke dalam Dewan ini sebelum dimaklumkan pada Duli-duli Yang Maha Mulia, sudah dibawa ke dalam Dewan ini. Saya masih ingat dan saya telah melaporkan mengapa budibicara yang sebagai ini kita lanjutkan di Dewan, tetapi tidak menyembah lagi maksud kita kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Dengan sebab-sebab yang demikianlah sebahagiannya ada negeri-negeri yang tidak menerima rancangan Kementerian Pelajaran dalam membentuk sekolah yang dipulangkan balik kepada Kementerian Pelajaran, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini ada di Kedah atau di Pahang.

Jadi, pada masa hadapan ini pengalaman kita mengajar kita, dan saya harap dengan rendah hati Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau yang bersangkutan dengannya atau Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran sebelum membawa kepada satu perkara yang menyentuh hati nuraini Ketua-ketua agama negeri hendaklah lebih dahulu menyusup supaya tidak salah kita ini. Sebagaimana satu pepatah ada menyebutkan:

“ular yang bisa tidak akan hilang bisanya kalau dia menyusup akar”, lebih-lebih lagi perkara yang seperti ini kepentingan negara. Satu

daripada perkara-perkara yang berhubung dengan hal negeri. Yang keduanya bagaimana aturcara, budibicara bagi membuat satu pengajian khusus bahasa Arab supaya budak-budak ini boleh dimasukkan dalam bidang negeri dan ini akan mewakili kelak calon dalam persidangan dalam Majlis Universiti Islam itu kelak.

Saya tidak bimbang dengan bahasa Inggeris, Tuan Yang Dipertua, tetapi saya bimbang dengan bahasa Arab, sebab kurikulum sekarang ini menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ibunda dan sekarang ini masih kita pecah dua, mana yang tinggi Arabnya kita hantar ke Mesir atau ke negeri Arab yang lain, tetapi mana yang kurang sedikit Arabnya kita masukkan dalam universiti tempatan kita melalui Universiti Kebangsaan dan sebagainya yang mereka keluar menjadi Pegawai Tadbir dan sebagainya supaya mereka tahu hal agama, tetapi kurang mahir berbahasa Arab.

Itu sebabnya saya kata kita harus menubuhkan institusi-institusi language dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana menyatakan sudah dibuka. Saya masih daif Tuan Yang Dipertua, dan saya telah berjumpa sendiri dengannya di mana, sebab tidak nampak dalam akhbar dan sebagainya, hanya sekadar pada masa kita hendak mengadakan dasar pandang ke Timur kita mengambil bahasa Jepun. Saya kenal kawan saya dipanggil oleh Jabatan Pelajaran supaya mengajar bahasa Jepun, nampaknya sudah sampai masa kita menzahirkan baru kita hendak mencari bidan, jangan kita buat begitu.

Saya berterima kasih sebab dikatakan sudah ada institusi, hanya saya daif, saya tidak mengetahui di mana institusi bahasa France di Malaysia sekarang ini, di mana institusi bahasa Jepun secara terbuka,

bahasa Jerman umpamanya, bahasa Arab umpamanya atau lain-lain bahasa yang difikirkan munasabah dan kalau sudah ada, saya ucapkan terima kasih, tetapi saya daif kerana kedaifan saya, saya minta Yang Berhormat Menteri memaafkan saya, sambil-sambil minum kopi atau sambil berborak, kalau dapat diberitahu di mana institut itu sebab saya tahu institut di P.J. dikatakan Institut Language itu ialah Bahasa Melayu bagi mempraktikkan guru-guru di Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah.

Tuan Yang Dipertua, hanya saya hendak betulkan rekod saya semalam, pegawai yang datang daripada Arab Saudi itu ialah Penasihat Keekonomian Kerajaan Saudi Arabia bukan Penasihat Pelajaran, jadi sebelum Yang Berhormat Menteri Pelajaran betulkan, saya betulkan diri saya sendiri, Tuan Yang Dipertua, jadi.....

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:**  
Bukan Penasihat Pelajaran, tetapi Penasihat Ekonomi.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Saya kata Penasihat Ekonomi bukan Penasihat Pelajaran kepada Kerajaan Arab Saudi. Jadi apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu bahkan ramai Menteri kita pergi ke Mekah, banyak bahasa Arab yang hendak dipelajari lebih baik sedikit, kerana tiap-tiap bentang carpet merah pun sensitif, letak hujung meja ini sedikit pun tidak boleh. Jadi, hendaklah pandai-pandai kita mengambil hati kalau hendak belayar supaya aman perahu tidak karam nanti. Kerana saya kata begitu ialah Kerajaan itu menganjur, membantu penganjurannya selain daripada Menteri sendiri. Diharap apa yang saya sebut mungkin sudah ada dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri ini, tetapi apa salahnya saya meningkatkan kerana Islam itu nasihat (adinal-nasihah).

Akhirnya saya dengan rendah hati menyokong Bil ini, hanya memohon kepada Allah supaya dapat didirikan di negeri saya. Terima kasih.

4.18 ptg.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang berkaitan dengan Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini.

Saya rasa Tuan Yang Dipertua, pindaan ini adalah kena pada masanya. Melalui pindaan Undang-undang ini Kerajaan dapat menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, persetujuan negara-negara Islam untuk menubuhkan Universiti Islam di negara kita ini adalah satu penghormatan yang paling tinggi dianugerahkan kepada bukan sahaja Malaysia, tetapi semua lapisan masyarakat di negara ini. Kepercayaan negara-negara Islam terhadap penubuhan universiti di negara kita ini adalah disanjung tinggi.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya dengan adanya Universiti Islam kelak ini akan memberi peluang bukan sahaja kepada penuntut-penuntut Islam bahkan kepada semua penuntut-penuntut dengan tidak mengira agama keturunan yang ingin meluaskan pengetahuan, memahami pengajaran dan falsafah Agama Islam iaitu agama rasmi tanahair kita ini. Dengan ini saya ingin menyentuh sedikit tentang universiti-universiti tempatan.

Pertubuhan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini amatlah pesat. Dalam tempoh 20 tahun ke belakang ini, 5 buah universiti dan beberapa buah institusi pengajian tinggi dan politeknik telah ditubuhkan.

Usaha juga sedang diambil melalui pindaan ini untuk menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa dan baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan kemungkinan menubuhkan satu lagi universiti di negara ini. Permintaan yang begitu banyak bagi tempat di universiti-universiti tempatan telah membuktikan hasrat dan usaha Kerajaan menjadikan pengajian tinggi sebagai satu hak kepada rakyat negara ini. Walaupun pengambilan penuntut-penuntut ke universiti makin bertambah dari 13,000 penuntut dalam tahun 1974 ke lebih kurang 30,000 penuntut dalam tahun 1981 tetapi universiti-universiti di negara ini tidak mampu menampung semua penuntut yang layak dan memohon untuk masuk ke universiti. Untuk menghilangkan dahaga pengetahuan, mereka mendaftarkan diri ke universiti-universiti luar negeri. Penghijrahan penuntut-penuntut kita keluar negeri untuk mendapat kelulusan tinggi mempunyai banyak implikasi yang buruk. Kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti luar negeri ini selalunya tidak diiktirafkan oleh Kerajaan. Kursus-kursus yang diberi itu tidak mencerminkan pengenalan sosial (social identity) negara ini, dengan tidak menumpukan semangat kebangsaan negara ini. Kerajaan juga mengalami kerugian yang besar dalam pertukaran wang asing semua penuntut-penuntut ini membawa keluar wang bagi menampung pelajaran mereka. Ada juga Kerajaan Negara-negara Komanwel sengaja mengubah polisi-polisi mereka dengan menambahkan yuran universiti mereka bagi murid-murid asing dengan tujuan menyekat masuk penuntut luar negeri ke universiti mereka.

Semua faktor ini jelas membuktikan kepentingan mendirikan sebuah universiti lagi di negara ini. Sebelum mendirikan sebuah universiti lagi di

negara ini, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran agar semua universiti yang sedia ada sekarang ini hendaklah, dengan izin, operate at optimum capacity. Lebih banyak penuntut hendaklah diambil dan pengambilan penuntut-penuntut ini hendaklah mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran atas pengumuman beliau dalam Dewan yang mulia ini bahawa beliau telah mengarahkan semua universiti-universiti tempatan untuk mengambil sekurang-kurangnya 10,000 penuntut bagi tiap-tiap satu universiti itu. Ini bermakna lebih kurang 20 hingga 25,000 penuntut baru dapat peluang untuk mengikuti kursus dalam negeri ini.

Satu lagi perkara adalah kursus sambilan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian tidak ada cadangan untuk memulakan kursus sambilan di universiti-universiti tempatan, saya merayu kepada Kementerian untuk mengkaji kemungkinan memulakan kursus-kursus sambilan bagi sesiapa yang ingin meluaskan pengetahuan mereka. Dengan adanya kursus sambilan ini maka banyak pegawai-pegawai Kerajaan, ahli-ahli pengurusan dari swasta dapat menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang relevant pada masa lapang. Dengan adanya banyak universiti atau memulakan kursus sambilan maka graduan-graduan akan membanjiri pasaran pekerjaan. Untuk mengelakkan graduan-graduan dari universiti-universiti membanjiri pasaran pekerjaan dan mengakibatkan graduan menganggur, universiti-universiti tempatan hendaklah menyusun semula bidang pengajian mereka agar graduan-graduan ini dapat mengurangkan tenaga rakyat dalam beberapa teknikal.

Saya juga mengalu-alukan pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa universiti yang keenam akan ditubuhkan di Negeri Kedah. Saya juga menyokong penuh rancangan menubuhkan universiti yang keenam di Negeri Kedah, tetapi memandangkan kedudukan Negeri Perak di bidang pelajaran atau kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi pada masa ini Negeri Perak tidak mempunyai sebarang universiti atau institusi pengajian tinggi yang setaraf dengan universiti selain daripada Politeknik Ungku Omar. Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan, khasnya Menteri Pelajaran dan sokong penuh rakan saya dari Padang Rengas bahawa Kerajaan patut mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan sekurang-kurangnya cawangan universiti di Negeri Perak.

Tuan Yang Dipertua, cawangan universiti itu bolehlah diletak di Bandar Baru Seri Iskandar dan saya percaya Kerajaan Negeri Perak tidak keberatan untuk memberi sebidang tanah di Bandar Baru Seri Iskandar dan lain-lain kemudahan dan bantuan tujuan mendirikan cawangan universiti di Negeri Perak.

Dengan harapan yang tinggi ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Dato' Haji Mahmoud Salim.

4.27 ptg.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada Persidangan atau Mukhtar Islam di Mekah yang telah memberi kesempatan dan memilih negara kita Malaysia untuk menjadi negara yang mula-mula sekali ditubuhkan Universiti Islam Antarabangsa dan juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah

menyambut pelawaan itu dengan mengubahkan Undang-undang ataupun Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

Pihak Kerajaan kita dengan tidak berlegh-lengah lagi tatkala memandangkan perkara ini sangat kena pada tempatnya dan ini satu penghormatan yang tinggi kepada Malaysia telah menggubal satu pindaan yang dibawa sekarang ini di dalam Dewan yang mulia ini supaya meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 bagi membolehkan Universiti Islam yang diura-ura itu ditubuhkan di dalam negara kita. Perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah dan bukanlah satu perkara yang terjadi dengan tidak semena-mena tetapi tentulah dengan jasa dan perkiraan yang tepat.

Negara-negara Islam yang lain telah memikirkan Malaysia ini adalah satu negara yang boleh diharap untuk mendirikan Universiti Islam dan boleh menanggungnya. Walaupun Universiti Islam ini akan ditanggung atau dibiayai oleh negara-negara Islam yang lain tetapi pada permulaan ini tentulah perkara membiayai universiti ini akan ditanggung oleh Kerajaan kita buat permulaannya, kemudian barulah perbelanjaan itu akan diminta daripada negara-negara Islam yang lain.

Ini adalah satu perkara risiko kerana sebagaimana yang kita lihat kebanyakan daripada perhimpunan-perhimpunan di dunia ini ada di antara negara-negara yang menghadiri itu yang mungkin tidak mahu menyempurnakan bahagian masing-masing, seumpama di Bangsa-bangsa Bersatu berapa banyak negara-negara yang tidak membayar sumbangan masing-masing kepada Bangsa-bangsa Bersatu sehinggakan menyebabkan negara-negara yang besar seumpama Amerika dan Russia terpaksa membayar lebih.

Maka begitu juga di dalam persidangan negara-negara seumpama negara-negara Islam. Di dalam kumpulan negara-negara Islam itu banyak negara-negara Islam yang miskin, yang tidak terdaya dan tidak mampu. Boleh jadi dalam masa hendak mengadakan Universiti Islam ini mereka sanggup memberi bahagian masing-masing tetapi dalam masa melaksanakan kelak harus negara-negara ini tidak termampu. Maka bertanggunglah kepada negara yang menubuhkan itu menanggung risiko ini. Barangkali mereka memandangkan Malaysia ini sebuah negara yang kaya di antara negara-negara Islam dan boleh diharap dalam perkara ini dan boleh dipercayai, maka itulah sebabnya penubuhan Universiti Islam ini telah dipersetujui supaya didirikan atau ditubuhkan di Malaysia. Dan kepada kita penduduk-penduduk Malaysia ini adalah satu perkara kebanggaan kepada kita kerana selain daripada kehormatan yang diberi, ini menguntungkan kita, untung yang pertama sekali ialah mengangkat imej Malaysia ini di antara negara-negara Islam dan juga di antara negara-negara dunia kerana sentiasalah negara kita ini akan menjadi sebutan dengan adanya Universiti Islam di sini. Yang keduanya, perhubungan pelajar-pelajar dari luar negeri yang akan belajar di Universiti Islam itu. Yang ketiganya, berkenaan dengan pekerja-pekerja yang akan bekerja di situ tentulah menguntungkan rakyat kita. Takkanlah rakyat daripada luar negeri yang akan bekerja. Tentang tenaga pengajar maka boleh jadi kalau kita cukup tenaga pengajar maka rakyat kita akan mendapat keutamaan mengajar di Universiti Islam.

Sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya yang terdahulu daripada saya, negara kita sekarang ini pesat membangun sama ada di dalam bahagian kebendaan dan pelajaran. Maka saya teringat berkenaan pendirian Universiti Islam di Malaysia

ataupun di Tanah Melayu ini. Semasa sebelum Perang dahulu tidak ada sebuah pun universiti di Tanah Melayu ini. Pada masa tahun empat puluhan dahulu sebelum Perang, orang-orang kita sibuk pada masa itu mahukan sebuah universiti, menuntut daripada pihak British supaya mengadakan sebuah universiti dengan sebab orang-orang Melayu tidak mampu hendak belajar di universiti luar negeri sedangkan orang-orang kaum lain mereka itu menghantar anak-anaknya ke universiti luar negeri, mereka itu ada wang. Jadi terbitlah pada masa itu mengatakan daripada mendirikan universiti lebih baik membeli kapal perang kerana British kata membeli kapal perang boleh menjaga Tanah Melayu daripada musuh. Membuat universiti ini banyak rugi, cuma boleh mengawal beberapa pelajar sahaja. Maka tidak jadilah hendak mendirikan universiti. Dengan takdir Allah Subhanahu wa taala, Tuan Yang Dipertua, berlakulah peperangan Timur Jauh ini ataupun peperangan Jepun yang termasyur dengan nama "Peperangan Dai-Gua" seperti kata Jepun. Maka apakala orang-orang Jepun telah melanggar Tanah Melayu ini, pihak British yang di Singapura itu menghantar kapal perangnya yang termasyur itu iaitu "Prince of Wales" yang dikatakan kapal perang yang tidak boleh dikalahkan, tetapi apakala dia tersua sahaja dengan kapal terbang Jepun dengan mudah sahaja kapal perang "Prince of Wales" itu ditenggelamkan. Barangkali itulah di mana, wallahualam. Barangkali dengan sebab dia mengatakan lebih baik membeli kapal perang daripada mendirikan universiti, maka Tuhan telah tunjukkan bagaimana kapal perang itu tidak guna walaupun "Prince of Wales" sendiri, yang dikata "invincible Prince of Wales".

Akhirnya kalah juga, tenggelam dan Tanah Melayu diduduki oleh Jepun. Maka sekarang ini dalam masa negara kita sudah merdeka, sehingga

sekarang sudah 5 buah universiti didirikan. Sekarang timbul pula masalah hendak mendirikan Universiti Islam dan universiti yang keenam. Maka timbullah pula silap faham ataupun masing-masing berebut mahu universiti itu didirikan di negeri masing-masing kerana maklum sahajalah, Tuan Yang Dipertua, perkara universiti ini adalah menjadi rebutan di antara rakyat negeri itu. Macam di Terengganu pun memang tidak ada universiti, Terengganu juga hendak tetapi walau macam manapun, saya berharaplah pihak Kementerian supaya memikirkan betul-betul perkara Universiti Islam ini. Universiti Islam ini kalau hendak didirikan kena fikir daripada banyak segi, Tuan Yang Dipertua. Yang pertama kerana dia itu Islam, maka Islam ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dia bukan sahaja menerima penuntut-penuntut Islam tetapi orang-orang yang bukan Islam juga akan belajar dan dia menerima pula penuntut-penuntut dari luar negeri akan belajar di universiti ini.

Jadi universiti ini kalau didirikan di tengah-tengah ibukota ini, imej kita orang-orang di ibukota ini tentulah gambarannya tidak berapa baik terhadap Islam. Jadi lebih baiklah tidak didirikan di tengah-tengah bandar seperti Kuala Lumpur ini. dielakkan sedikit kepada tempat-tempat yang ada sifat-sifat keMelayuan ataupun keIslaman seumpama di Terengganu ataupun di Pahang sebagaimana dikatakan oleh Tan Sri tadi. Tetapi jangan terlalu di dalam hutan, kalau universiti ini terletak di dalam hutan, saya fikir pelajar-pelajar itu akan jemu dan frust pula, apa yang dia hendak lihat selain daripada hutan, kera lutong sahaja akan nampak. Jadi universiti ini hendaklah di tempat yang menarik juga. Maka tidak usahlah lihat kepada permintaan negeri-negeri itu, jangan ditilik kepada permintaan daripada negeri-negeri tetapi

hendaklah pihak Kementerian Pelajaran memikirkan tempat yang sesuai.

Begitu juga dengan universiti yang keenam yang akan didirikan itu. Kalau memikirkan kepada orang yang minta, saya fikir semua negeri berkehendakkan. Berkenaan dengan pelajaran-pelajaran yang diajar itu saya rasa betullah sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran iaitu pelajar-pelajar yang akan belajar di Universiti ini kalau diterima orang-orang Islam sahaja itu adalah tidak kena dengan dasar Islam. Islam tidak menghalang orang-orang yang bukan Islam belajar sebagaimana sekolah-sekolah tinggi yang dibuka pada zaman Kerajaan Umayyah, Kerajaan Bani Abbas yang dibuka di Baghdad, di Andalus dahulu semua orang-orang dari Eropah dapat belajar di situ. Kemudian orang-orang Eropah lepas belajar mereka balik ke negeri masing-masing itulah menyebabkan tamadun begitu lekas meningkat. Kalau sekiranya dikhaskan orang Islam sahaja saya fikir tamadun dunia tidak sampai dia punya ketinggian sebagaimana yang kita dapat lihat pada hari ini. Tetapi oleh kerana Islam tidak menghadkan pada orang Islam sahaja tentang belajar ilmu ini, maka moleklah Universiti Islam yang hendak didirikan itu dibuka pintunya kepada sesiapa juga. Tetapi tentang ratio kena diadakan juga.

Walau bagaimanapun kepada penuntut-penuntut dari Malaysia ini hendaklah diutamakan dan dibanyakkan termasuk wanita juga, tetapi wanita bagaimana kedudukannya tidak tahulah. Kalau mengikut Arab Saudi, sehingga sekarang pun dia tidak ada lagi siswazahnya. Mahasiswa, mahasiswinya dia tidak bercampur lelaki dan perempuan melainkan barangkali ia mesti suku, diasingkan. Ini Universiti Islam yang akan diadakan ini barangkali kalau

diadakan tidak dapat diasingkan kerana dia sebuah sahaja. Itu terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak universiti itu. Tetapi walau bagaimanapun peluang belajar itu baguslah dibuka kepada orang Islam dan kepada bukan Islam.

Begitu juga berkenaan dengan bayaran masuk. Saya fikir ini bukanlah satu masalah yang besar. Bayaran masuk universiti ini oleh kerana ia dibiayai oleh Kerajaan-kerajaan Islam, maka universiti ini saya fikir hendaklah jadi universiti yang akan berlumba pelajar-pelajar akan memasuki di dalamnya kerana murah bayarannya kerana ia ditanggung oleh negara Islam lebih-lebih lagi negara-negara seperti Saudi Arabia. Kalau negara ini mengeluarkan wang yang banyak untuk membantu universiti ini tidaklah perlu lagi pihak universiti ini mengambil bayaran yang banyak daripada mahasiswa ataupun mahasiswinya kalau dia terima perempuan. Maka kalau sekiranya bayarannya murah sudah tentulah ia jadi tempat tumpuan kepada pelajar-pelajar sekalian sama ada pelajar-pelajar dalam negeri atau pelajar-pelajar dari luar negeri.

Cuma saya kurang begitu pasti berkenaan dengan pelajar-pelajar yang masuk itu sama ada mereka mengetahui bahasa Arab atau bahasa Inggeris. Saya tidak dapat pasti macam mana dua bahasa diguna di dalam universiti ini. Adakah pelajar-pelajar yang mengerti bahasa Arab dan bahasa Inggeris itu duduk di satu kelas berganding bahu kerana mendengar syarahan daripada Mahaguru dia itu, sama ada dia bersyarah dengan bahasa Inggeris atau bersyarah dengan bahasa Arab kerana kita tahu pelajar yang tahu bahasa Arab biasanya tidak tahu bahasa Inggeris, pelajar tahu bahasa Inggeris tidak tahu bahasa Arab. Bagaimana dia hendak duduk berganding bahu di

dalam satu kelas? Itu satu masalah. Lainlah kalau sekiranya pelajar bahasa Inggeris ini diletak dalam satu kelas yang berasingan dengan pelajar yang tahu bahasa Arab. Itu tiada problemlah. Sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya yang dahulu tadi berkenaan dengan pelajar-pelajar bahasa Arab di Malaysia sekarang ini merosot. Itu satu masalah lagi.

Sekarang ini sekolah-sekolah Agama Menengah yang dahulu terkenal dengan nama Sekolah Arab di Malaysia ini kebanyakannya bahasa pengantarnya ialah bahasa Arab. Tetapi semenjak Kementerian Pelajaran mengubah sukatan pelajarannya, maka mereka juga mengikut sukatan ataupun kurikulum yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran iaitu bahasa Arab itu sebagai satu mata pelajaran sahaja. Sebab itulah pelajar-pelajar yang keluar dari sekolah ini tidak mengerti bahasa Arab.

Bahasa Arab ialah satu bahasa yang payah. Tidak usah orang hendak belajar di sekolah Arab di Malaysia ini tetapi orang yang pergi belajar di Mesir pun balik itu susah dia hendak bercakap Arab, atau dia pergi ke Mekah 5, 6 tahun, tidaklah boleh lagi. Tidak macam Inggeris, belajar setahun, dua di sekolah pun boleh cakap terus tidak apa-apa atau bahasa Cina, senang boleh bercakap. Bahasa Arab tidak boleh cakap. Jadi dengan dasar yang ada sekarang ini budak-budak yang belajar di Sekolah Menengah Agama itu tidak boleh bercakap Arab, dahulu boleh kerana mereka itu bahasa pengantarnya ialah bahasa Arab dan mereka itu belajar dengan kitab-kitab Arab semua sekali. Melainkan ada setengah sekolah sekarang ini mereka ubah sendiri iaitulah kelas Tanawi Rabi' iaitu dia tidak ubah melainkan dia terus belajar dengan bahasa Arab juga. Kemudian dia hendak lulus SPM. Satu daripada

syaratnya sekarang ini mesti lulus SPM, itu satu syarat untuk mendapat kerja. Kalau tidak lulus SPM tidak dapat kerja. Itu dia kena tambah masa lagi belajar itu. Adapun sekolah-sekolah menengah yang biasa itu dia tidak tambah, dia ambil pelajaran agama itu disambung dengan SPM, itulah yang tidak dapat menguasai bahasa Arab dan kalau tidak dapat menguasai bahasa Arab saya percaya pelajar-pelajar ini tidak dapat juga memasuki Universiti Islam ini.

Sekarang pelajar-pelajar yang semacam itu yang lulus di sekolah Menengah Agama yang seumpama itu ada yang menyambung di Universiti Kebangsaan, masuk di dalam Fakulti Islam. Mereka itu juga tidak dapat hendak mengikut syarahan dengan bahasa Arab. Mereka itu kebanyakan dengan bahasa Malaysia dan Pensyarah-pensyarah dia menggunakan Bahasa Malaysia kemudian terjemah ke bahasa Arab, begitulah gayanya, susahya bahasa Arab ini di Universiti Kebangsaan. Bagi pelajar-pelajar yang keluar Universiti Kebangsaan di dalam bahagian matapelajaran Syariah, takdirnya apakala ke negeri hendak diberi jawatan-jawatan seumpama Kadhi, mereka itu tidak mahu, kerana mereka itu tidak mendalami kerana mereka itu tidak boleh membaca kitab-kitab Arab. Di Negeri Terengganu telah diiklankan jawatan Kadhi ini sudah beberapa kali iklan hendak pakai tidak siapa yang hendak, tetapi yang hendak jawatan yang berebut-berebutnya ialah jawatan lain seumpama Nazir Sekolah, Pegawai Zakat, macam itu sahaja. Macam Kadhi itu tiada sambutan. Saya bimbang pula dengan sistem yang ada ini di sekolah-sekolah kalau tidak diubah maka Universiti Islam yang ada ini jadi kempunan sahaja kepada pelajar-pelajar Islam atau pelajar-pelajar Melayu yang belajar di sekolah-sekolah Arab itu sementara lagi yang belajar di sekolah-sekolah

Menengah Agama Kerajaan sahaja yang mata pelajarannya dalam bahasa Malaysia tidak dapat hendak menguasai bahasa Arab akhirnya tidak diterima di Universiti Islam ini.

Apa yang kita harap supaya Universiti Islam ini dapat dimonopoli oleh pelajar-pelajar Islam di Malaysia ini. Maka kenalah sukatan pelajaran atau kurikulum yang ada sekarang ini diubahsuaikan supaya pelajar-pelajar kita dapat menguasai bahasa Arab.

Itulah sedikit pandangan saya, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Kerajaan kita telah mengambil inisiatif dan daya utama dalam perkara ini maka sebagaimana saya katakan tadi maka perkara ini amatlah besar ertinya dan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan dan juga syabas dan tahniah di atas langkah yang berani dan inilah satu daripada cara-cara Kerajaan kita menerapkan nilai-nilai Islam di dalam negara Malaysia. Lepas satu, satu baru-baru ini kita meluluskan di sini Rang Undang-undang Bank Islam, sekarang ini Rang Undang-undang Universiti Islam pula. Tidak berapa lama lagi, insya Allah banyak lagi perkara yang berdasarkan Islam. Tetapi perkara berkenaan dengan Universiti Islam ini lain daripada yang lain, kerana ianya terbuka kepada orang yang bukan Islam juga, jadi ia terpaksa disokong oleh orang yang bukan Islam sebagaimana Yang Berhormat saudara kita daripada orang India tadi dia menyokong kerana perkara ini memberi keuntungan bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga kepada semua rakyat Malaysia yang bukan Islam.

Sekianlah sahaja, saya sokong Rang Undang-undang ini.

*4.53 ptg.*

**Dato' Wong Seng Chow:** Tuan Yang Dipertua, saya memberi sokongan saya ke atas Rang Undang-undang ini.

Pelajaran ialah kunci kemajuan negara. Kami mesti memastikan bahawa anak-anak kita diberi peluang-peluang yang cukup untuk belajar bukan sahaja diperingkat rendah tetapi juga hingga keperingkat yang ketiga (tertiary level).

Pelajaran ialah penanaman modal bagi masa hadapan negara. Sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita terpaksa mendirikan lebih institusi-institusi pelajaran tinggi untuk memuaskan keperluan rakyat. Di Universiti-universiti, Kolej Universiti dan Institusi Pelajaran Tinggi mesti mempunyai cukup tempat untuk orang-orang yang ingin melanjutkan pelajaran mereka selepas persekolahan. Ini juga akan menjimatkan perbelanjaan yang besar untuk ibubapa-ibubapa menghantar anak-anak mereka pergi belajar di luar negeri. Dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, tidak ada sesiapa pun yang tidak cukup kelayakkan untuk memasuki ke Institusi-institusi Pelajaran Tinggi kita ditolak kemasukkan mereka kerana kurang tempat. Oleh yang demikian, Kerajaan patut mempraktis satu dasar penubuhan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi yang lebih bebas. Sektor-sektor persendirian pun patut digalakkan untuk berbuat demikian sepanjang mereka mematuhi undang-undang negara ini. Pada masa ini Kerajaan patut mengulang kaji Akta Universiti dan Kolej Universiti secara pandangan bebas Kerajaan. Undang-undang yang berupa tekanan tidak akan berhasil. Rakyat negara ini telah masak akal (mature) dan bertaraf tinggi dalam bidang politik, pengadilan dalam polisi pendidikan Kerajaan akan sentiasa dibalas oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

*4.56 ptg.*

**Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas

peluang ini kerana saya dapat turut serta membahaskan di atas Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Sesungguhnya saya bangun berdiri pada petang ini untuk menyokong meminda Rang Undang-undang tersebut lebih-lebih lagi saya merupakan seorang yang datangnya daripada golongan yang muda sedikit yang mana pelajaran itu adalah satu bidang ditumpukan kursus kepada kaum-kaum yang mudah; dan juga saya ini datangnya daripada yang beragama Islam.

Sememangnya sudah lama kita tunggu-tunggu akan kemunculan sebuah Universiti Islam dan saya mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan yang sebegitu cekap dan berani untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam antarabangsa walaupun banyak lagi liku-liku dan masalah-masalah yang belum pernah diterokai ditemphi oleh mana-mana pihak.

Syabas juga kita ucapkan kepada Kerajaan yang telah berjaya memikat hati, memujuk dan seterusnya mendapat sokongan yang kuat dan jelas daripada negara-negara di Timur yang mana amat penting sekali sokongan dan penglibatan mereka itu demi untuk menentukan keutuhan dan kejayaan universiti tersebut.

Tuan Yang Dipertua, timing, dengan izin, atau masanya untuk kita menubuhkan sebuah Universiti Islam seperti ini amat sesuai dan tepat sekali dalam keadaan suasana sekarang yang mana kebangkitan agama Islam amat nyata dan ketara sekali. Selain daripada itu ianya juga tetap akan memberi peluang dan tempat di pusat pengajian tinggi yang serba serbi kekurangan pada anak buah kita sendiri. Kita mengharapkan Universiti Islam ini akan dapat melahirkan satu jenerasi graduate Islam yang betul-betul bermakna dan berkesan dalam

proses menyiapkan diri untuk menghadapi berbagai-bagai cabaran, baik di dunia mahupun di akhirat.

Saya berharap agar universiti ini kelak akan dapat mendidik anak-anak kita agar mereka akan dapat mencorakkan satu identiti kebangsaan yang baharu dan bersesuaian dengan keperluan dan kehendak zaman. Kita harap universiti ini bukan sahaja dapat menghasilkan intelek-intelek dalam bidang tertentu tetapi juga kita perlukan graduan-graduan yang ada nilai-nilai dan sikap-sikap yang baik yang diredai Allah dan bersesuaian dengan zaman dan suasana kebangkitan agama Islam ini.

Kita perlukan graduan-graduan dari universiti ini kelak akan bercita-cita tinggi untuk memperjuangkan bangsa, agama dan negara masing-masing agar negara-negara Islam akan dapat memulihkan balik kebanggaan, kemewahan dan keagungan agama Islam seperti masa-masa yang lampau. Kita harap juga sistem pendidikan universiti ini akan dapat menghasilkan orang-orang muda yang agresif, progresif dan sanggup ke mana untuk mempertahankan maruah bangsa, negara dan agama dan menghasilkan berbagai-bagai rancangan dan kejayaan demi untuk kebaikan dan kepentingan bangsa, negara dan agama.

Tuan Yang Dipertua, tanggungjawab yang berat juga terletak di bahu perancang, pentadbir dan pengurus pihak universiti tersebut untuk dapat menghasilkan, menunjukkan contoh-contoh yang baik dari semua aspek universiti tersebut, agar ianya boleh dibanggakan oleh semua pihak. Universiti Islam Antarabangsa ini merupakan sebuah Universiti Islam yang pertama yang pernah wujud di dunia ini. Maka amat berat tanggungjawab oleh kerana mata dunia sentiasa memandang,

meneropong meneliti dan menengok akan ke manakah haluan, jalan dan perkembangan yang akan dilaksanakan oleh universiti ini. Maka amat penting sekali pihak-pihak yang berkenaan betul-betul menentukan agar segala persiapan, pengendalian dan pelaksanaannya mencapai kejayaan yang diharapkan agar kita boleh sama-sama bermegah di atas kejayaan universiti tersebut.

Saya ingin juga di sini untuk mengharapkan dengan wujudnya Universiti Islam Antarabangsa ini insya Allah mungkin untuk permulaannya dapat kita bukan sahaja dalam satu negara malahan di antara umat Islam di seluruh dunia yang mana amat perlu sekali di masa sekarang ini. Oleh kerana kita lihat saudara-saudara kita di Timur Tengah sehingga ke hari ini masih lagi tidak dapat mewujudkan perpaduan yang dihajati oleh agama Islam yang suci ini. Maka dengan wujudnya Universiti Islam ini saya berharap juga akan dapat memainkan peranan walaupun sedikit mana sekalipun untuk menanamkan semangat dan sikap sayangkan saudara-saudara seagama, agar betul-betul dapat diperkuatkan lagi agama yang maha suci ini.

Tuan Yang Dipertua, ingin juga saya mengambil kesempatan ini untuk menganjurkan beberapa soalan berkenaan dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementeriannya. Saya kurang jelas tentang apakah asas kelayakan yang diperlukan untuk pengambilan penuntut-penuntut yang baharu untuk dimasukkan di Universiti tersebut. Keduanya, ingin juga kita tahu apakah kuota pengambilan penuntut-penuntut di antara warganegara Malaysia dengan warganegara asing dan juga di antara orang-orang Islam dan bukan Islam. Begitu juga dengan kuota pengambilan bilangan pekerja-pekerja dan pensyarah-pensyarah univversiti.

Satu lagi soalan yang ingin saya ketengahkan ialah tentang penempatan bakal graduan-graduan kita selepas mereka lulus daripada universiti yang mana kita sedar bahawasanya kursus yang dibuat pada permulaan ialah dalam bidang undang-undang Islam dan perniagaan (business studies) dan cara manakah pihak Kerajaan dan pihak perancangan universiti ini untuk menempatkan bakal graduan-grduan universiti ini dengan yang agak berlainan sedikit seperti yang ada sekarang ini yang mana kita mengamalkan satu sistem yang ala-Barat dan bakal graduan kita ini akan didik dengan sistem yang berlandaskan agama Islam dan cara manakah pula pihak Kerajaan dan pihak penganjur Universiti akan dapat menempatkan para-para graduan kita kelak.

Tuan Yang Dipertua, bila sahaja saya mendengar perkataan "universiti" saya amatlah tertarik hati dan merasa begitu ghairah sekali. Apabila sahaja isu universiti ini timbul secara otomatis terkenang saya kepada negeri asal saya iaitu negeri Perak. Sebabnya, ialah pihak saya telah memperjuangkan untuk mendapatkan sebuah universiti di Perak sejak tahun 1978 lagi tetapi tidak tahu apakah gamak sebab nasib negeri Perak hingga ke hari ini belum juga terbayang lagi akan kemunculan mana-mana universiti. Memanglah saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad yang baharu sebentar tadi berucap tentang rebutan universiti ini dan saya juga menyokong agar dapat setiap negeri menubuhkan sebuah universiti di negeri masing-masing. Apa yang saya ingin menekankan di sini ialah tentang prioriti dan keutamaan yang patut diberi kepada negeri-negeri yang tertentu yang mana ada sebab-sebab yang sah, yang betul, yang saksama yang patut sangat diberi pertimbangan.

Saya merasa agak dukacita juga oleh kerana negeri Perak mempunyai segala sebab-sebab dan segala keperluan-keperluan untuk mendapatkan sebuah universiti.

Contohnya, Perak pernah menjadi satu pusat pengajian yang termasyur di negara Malaya dan Malaysia yang mana kita masih ingat lagi tentang Kolej Melayu Kuala Kangsar yang telah dapat melahirkan banyak tokoh-tokoh kebangsaan kita, begitu juga dengan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Bukan itu sahaja, tetapi malahan Perak mempunyai penduduk yang terbanyak sekali, negeri yang terbesar sekali dan jumlah penuntut-penuntut di peringkat sekolah rendah dan menengah merupakan penuntut-penuntut terbanyak sekali yang ada di seluruh Malaysia ini. Juga bersabit dengan penunjuk-penunjuk yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi, Perak juga mempunyai penuntut-penuntut yang terbanyak, dan alangkah anihnya dengan sebab-sebab sedemikian Perak masih juga tidak dapat menghasilkan sebuah universiti yang mana tentu sekali akan dapat menolong anak negeri itu mengurangkan perbelanjaan untuk menghantar anak-anak mereka ke lain-lain tempat yang jauh daripada negeri sendiri, dan ini juga pada umumnya merugikan pada anak bangsa kita dan juga pada mereka yang terpaksa menghantar anak-anak mereka jauh daripada tempat yang mereka duduk.

Seperkara lagi, Tuan Yang Dipertua, ingin saya menyentuh dalam pembahasan yang ada sangkut-pautnya dengan kebangkitan agama Islam dan Universiti Islam Antarabangsa ini, ialah pada hemat saya, masanya juga sudah tiba bagi kita dan Kerajaan untuk mewujudkan pula sebuah lagi institusi Islam, iaitu yang saya maksudkan sebuah Hospital Islam. Kita dapat lihat dengan nyata beberapa buah hospital-hospital

yang ditubuhkan di seluruh negara ini oleh agama-agama lain dengan bantuan-bantuan negara-negara yang tertentu, orang-orang yang tertentu dan juga masyarakat umum. Saya percaya pihak Kerajaan dan pihak agensi-agensi Kerajaan, Jabatan Agama di negeri-negeri dan orang-orang persendirian berkeupayaan cukup untuk berganding bahu untuk menubuhkan satu lagi lambang kemegahan agama yang mana suci ini.

Pihak saya telah pun mengutarakan cadangan ini melalui Badan Perhubungan Pemuda UMNO Negeri di dalam mass media baru-baru ini dan ini merupakan satu amanah dan tanggungjawab kepada kami yang akan pihak saya memanjangkan kepada pihak yang tertentu. Bukan sahaja setakat itu, malah pihak saya akan menyediakan satu kertas kerja khusus dengan projek Hospital Islam ini. Kertas kerja ini kelak akan diserahkan kepada Kerajaan dan pihak saya berharap dengan amat sangat agar pihak Kerajaan dapat memberi sokongan yang kuat kepada cadangan ini dan seterusnya memulakan kerja-kerja pelaksanaannya.

Tuan Yang Dipertua, itulah beberapa perkara yang dapat saya sampaikan pada majlis yang mulia ini dan saya sekali lagi untuk mengakhiri menyokong untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Sekian, terima kasih.

*5.13 ptg.*

**Tuan Tan Chang Soong:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk memberi pandangan terhadap Rang Undang-undang meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memansuh sekatan yang sedia ada terhadap penubuhan sebarang pelajaran tinggi bertaraf universiti di

Malaysia menurut sebarang perjanjian, persetujuan atau konvensyen antara Persekutuan dengan negara-negara lain atau pertubuhan antarabangsa. Tuan Yang Dipertua, sebelum kita membincang tentang jasa dan cela tindakan ini oleh Kerajaan, saya rasa bahawa adalah tepat pada masanya untuk membuat pandangan genting terhadap universiti-universiti kita.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya bahawa tenaga-tenaga terlatih adalah bahan utama pembangunan negara. Sama ada negara kita membangun secara berkesan dan bermutu atau tidak adalah terpulang kepada rancangan-rancangan melatih tenaga manusia. Oleh yang demikian, arah kemajuan yang patut diikuti oleh negara kita adalah tergantung kepada institusi-institusi yang melatih tenaga mahir ini. Dalam tempoh 25 tahun negara kita telah menubuh sebanyak lima universiti. Ini adalah selaras dengan keperluan negara untuk bakal pemimpin tenaga-tenaga mahir. Peranan yang memainkan oleh universiti-universiti di dalam masyarakat kita telah menjadi tumpuan pelajar.

Dalam pembangunan negara, beribu-ribu graduan yang telah menamatkan pelajaran mereka pada tiap-tiap tahun telah terserap di dalam masyarakat kita untuk membekalkan inisiatif dan kuasa di dalam bidang-bidang kerja profesional dan pengurusan. Semacam pemandu-pemandu kapal, graduan-graduan kita telah menolong pihak Kerajaan menentukan arah pembangunan negara. Tambahan pula mereka adalah sumber-sumber utama untuk idea-idea boleh mempergiatkan jentera pembangunan ekonomi bagi 20 tahun akan datang. Di dalam keadaan dunia di mana corak pembangunan yang diusahakan oleh sesebuah negara akan dipelajari dan digunakan oleh negara-negara yang

lain, peranan pelajar-pelajar ini adalah amat penting, memandangkan bahawa merekalah yang mempunyai bakat-bakat untuk menyerapkan segala corak pembangunan ini. Dengan demikian, Malaysia akan mempunyai keupayaan untuk pembaharuan dan pembangunan dengan lebih giat lagi; ianya akan menentukan Malaysia tidak akan tertinggal dalam sebarang perubahan ekonomi dan teknologi yang pada akhirnya akan mempengaruhi negara-negara yang membangun. Oleh yang demikian, saya berasa bahawa kita perlu mengkaji semula peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan pada masa ini dalam bidang pengurusan universiti-universiti melalui, dengan izin, the universities and University Colleges Act 1971. Kita perlu dibimbing oleh keutamaan keperluan negara untuk memupuk pemimpin-pemimpin yang mempunyai pelajaran tinggi dan dinamis dan untuk menentukan bahawa mereka adalah mencukupi untuk menambahkan tempoh kemajuan terutama sekali di dalam zaman resesi yang pada masa ini melanda negara dengan membawa kesan kepada segenap masyarakat kita.

Tuan Yang Dipertua, adalah juga mustahak bahawa Kerajaan memberi garis panduan bagi lingkungan aktiviti yang tertentu kepada universiti-universiti kita demi kepentingan masa panjang negara. Walaupun demikian, universiti-universiti itu harus juga diberi otonomi yang bertambah dan lebih luas supaya ianya dapat dijalankan sebagai tempat terlindung pengajian tertinggi dan sebagai satu badan yang bertanggungjawab kepada masyarakat. Ini adalah untuk membolehkan para-para akademik dan ikhtisas kita menggunakan bakat-bakat mereka untuk merancang kurikulum dan bentuk kandungan kursus yang tersesuai untuk pembangunan golongan krim pemuda-pemudi kita supaya mereka dapat

memainkan peranan masing-masing dalam masyarakat. Selaras dengan ini Kerajaan menggalakkan perhubungan kekal di antara universiti-universiti dan masyarakat supaya bakat-bakat kita daripada institusi-institusi ini terus sedar tentang keperluan-keperluan dan masalah-masalah masyarakat kita. Dengan demikian Kerajaan akan dapat mewujudkan lima think tank bagi menunaikan keperluan-keperluan industri-industri.

Di masa di mana kita memerlukan kemahiran pengurusan dalam bidang ekonomi dan profesional untuk mengurangkan kesan jurang kekurangan sikap Kerajaan yang suci terhadap universiti-universiti akan membawa faedah yang positif kepada negara. Konsep perhubungan tiga penjurong yang liberal di antara Kerajaan, universiti dan masyarakat adalah sangat-sangat kena pada tempatnya untuk menyumbangkan kepada proses pengeluaran serta penggunaan daya tenaga bakat-bakat yang tertumpu di dalam universiti-universiti.

Tambahan pula kita mesti menahan diri supaya tidak arrogate perumusan struktur-struktur kursus yang akan menghasilkan graduan-graduan yang hanya berpakar di dalam bidang yang sempit. Ini akan mempersukarkan pembangunan pandangan yang luas dasarnya suatu bakat yang amat perlu untuk membentuk pemimpin-pemimpin. Pengajian tinggi pada tahap yang terbaik sekali dan dalam kontek corak berbilang kaum Malaysia harus memperjalinkan kebolehan-kebolehan yang khusus dengan tabiat fikiran yang berseimbang dan dipandu oleh penghuraian sebab-sebab yang munasabah. Setiap graduan haruslah meningkatkan perkeliling universitinya dan masuk dunia kerja dengan semangat doctrine of reciprocity yang kekal, satu ungkapan yang pernah saya gunakan pada

ucapan-ucapan saya di masa-masa lampau. Doktrin ini memperuntukkan bahawa di dalam masyarakat kami yang berbilang kaum, perhubungan reciprocal yang diamalkan dengan satu sikap kesederhanaan adalah perlu untuk keamanan dan kemajuan sosial masyarakat kita. Dengan menanam doktrin ini kepada graduan-graduan kita akan pastikan bahawa negara kita akan diperkukuhkan oleh satu golongan pemuda-pemudi yang akan memainkan peranan penting bukan sahaja dalam proses pembangunan negara bahkan juga di dalam proses bersatu padu melalui kehidupan secara keamanan. Tambahan pula, kita tidak harus menyempitkan latihan graduan dengan cara menyingkirkan pengajian am.

Jika kita tidak memberi tumpuan kepada perkara yang seperti ini kita akan sekatkan pembangunan terhadap pandangan yang seimbang terhadap sesuatu akibat daripada ini graduan kita akan tersekat daripada memainkan peranan yang lebih yakin dan sempurna sebagai pemimpin kepada rakyat-rakyat kita dalam sesuatu alam yang selalunya mementingkan bakat ubahsuai dan kelengkapan yang luas terhadap perubahan-perubahan. Penyerapan matapelajaran yang liberal di dalam curricular science dan sebaliknya menerima dorongan daripada contoh-contoh terhadap perjuangan manusia untuk menyingkirkan dunia daripada kegelapan dan kejahilan. Kedua-dua penyeduhan ini semestinya tidak harus disekatkan kepada pengajian tentang perkembangan pengetahuan dalam suatu zaman oleh suatu kaum sahaja, kerana tersekatnya dibuat demikian, kita akan abaikan fakta yang kata pengetahuan melingkungi seluruh alam tidak kenalkan sempadan geographical dan bermaju hanya melalui penggantungan yang sejati dan tabah antara manusia satu negeri dengan manusia negeri lain sepanjang lorong masa. Pengajian am dalam

bentuk ini diberi kudos dan perspektif melalui mikroskop turutan sejarah akan memupuk dalam graduan-graduan kita bukan sahaja suatu penghargaan pengetahuan yang benar dan yakin bahkan juga mengenai kewajipan mereka terhadap masyarakat kita dan pada akhirnya mengenai masyarakat kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, ada suatu bidalan lama yang kata bahawa satu generasi mesti menanam pokok supaya generasi-generasi yang mengikutinya boleh menikmati naung teduhnya. Mungkin ini adalah amat berpakai pada masa persimpangan ini dalam kemajuan universiti-universiti kita. Kita mesti memberi universiti-universiti kita suatu suasana keyakinan, kebebasan dan sokongan supaya mereka boleh terus menanggung dengan semangat akademik dan rekacipta terhadap tanggungjawab mereka dalam menghasilkan graduan-graduan yang terkemuka dengan berubahsuai.

Tuan Yang Dipertua, setakat membicara tentang keperluan untuk fikiran baru terhadap konsep pelajaran universiti, saya sekarang ingin menjemput Kerajaan supaya bersikap ubahsuai dalam hal mempertubuhkan institusi-institusi pelajaran tinggi sama ada mereka adalah memegang atau tidak memegang taraf universiti. Saya kuat percaya bahawa sempadan pelajaran dan pengetahuan tidak ketahu empangan rumpun kaum. Pandangan sempit tidak harus berlaku terhadap pembekalan keperluan-keperluan pelajaran tinggi. Saya percaya bahawa pelajaran tinggi kepada sesiapa yang diberinya akan berfaedah kepada negara. Konsep pelajaran universiti pada keseluruhannya harus diulangkaji jika kita tidak ingin mencekik pembangunan kecekapan dan bakat upaya.

Tuan Yang Dipertua, negara kita telah menyaksikan Kerajaan

melanjutkan sungguh-sungguh kawalan di dalam semua sektor baik bidang-bidang sosio-ekonomi, kebudayaan, politik atau pelajaran. Walaupun wujudnya keperluan untuk pembangunan secara beratur dalam berbagai-bagai sektor usaha manusia, saya percaya bahawa Kerajaan sudah mempunyai cukup mekanisma-mekanisma untuk menguruskan pembangunan dalam sektor ini. Kita mesti memupuk pandangan yang liberal dan lebih ubahsuai dalam rangka rancangan negara. Kita tidak harus melaksanakan kawalan hanya untuk kepentingan sahaja.

Masa sudah sampai dalam tempoh kemelesetan yang meresap ini untuk memikirkan semula tentang polisi Kerajaan terhadap penyertaan sektor swasta dengan menambah dan melengkapi peranan Kerajaan sebagai sumber tunggal membekalkan pelajaran tinggi khususnya pelajaran universiti sedangkan kita sedia mengizinkan penubuhan sebuah universiti tanahair kita melalui konvensyen dan perjanjian dengan badan antarabangsa dan negara lain. Kita tidak harus melupakan penyertaan sektor swasta kita sendiri dalam penubuhan intitusi-institusi pengajian tinggi supaya berkongsi menyandang beban menyelenggarakan pelajaran tinggi. Dalam masa kekurangan daya-daya, saya ingin mengajak Kerajaan supaya mempertimbangkan semula aspek ini dalam polisi Kerajaan. Tanggungjawab melatih tenaga rakyat dan perbelanjaan memelihara latihan ini, mesti diperluaskan dan nescayanya, sektor swasta boleh memainkan peranan dalam menyelenggarakan institusi pelajaran tinggi swasta dalam menambah dan melengkapi usaha Kerajaan, sama ada dasar usaha bersama-sama atau dengan diri sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya bahawa wujudnya skop bagi perkembangan dan pembangunan

pelajaran universiti di Malaysia, sama ada melalui usaha Kerajaan atau sektor swasta. Nescayanya, wujud skop bagi sektor swasta untuk menjalankan institusi pelajaran tinggi melalui kecekapan pengurusan mereka tanpa melemahkan darjat institusi itu.

Tuan Yang Dipertua, prinsip baik hasil-kos dan faedah-kos akan diselaraskan dengan lebih bersungguh-sungguh tanpa kerugian daya-daya yang berkurangan, malahan membolehkan potongan-potongan kos dalam membekalkan pelajaran tinggi. Ini adalah sempadan dengan cogan kata Kerajaan iaitu "Bersih, Cekap dan Amanah".

Tuan Yang Dipertua, dengan komen-komen ini, saya ingin menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat II Dewan ini akan ditangguhkan jam 6.30 petang ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin untuk disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat II Dewan ini akan ditangguhkan jam 6.30 petang ini.

### RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

5.35 ptg.

**Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya suka memberikan tahniah kepada Kerajaan kita dan juga kepada Yang Berhormat sahabat saya Menteri Pelajaran yang telah menunmpukan perhatian khusus bagi terwujudnya sebuah Universiti Islam Antarabangsa dengan mengemukakan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang kita sedang bahaskan di Dewan kita pada petang ini.

Sesungguhnya kelahiran sebuah Universiti Islam di negara kita ini adalah menjadi doa restu rakyat dan umat Islam di negara ini dan kehendak daripada majoriti umat Islam di negara ini akan wujudnya satu institusi pengajian tinggi yang khusus untuk mempelajari ilmu pengetahuan Islam di dalam universiti itu dalam semua bidang dan semua ilmu pengetahuan. Oleh kerana Islam itu bukanlah hanya sekadar mengenal haram halal sahaja, Islam itu bukanlah hanya mengenal wajib dan makruh sahaja, tetapi Islam ialah meliputi pengetahuan, ilmu pengetahuan Islam itu ialah alam sejagat, ini yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran dan hadis-hadis Nabi yang merangkumi kehidupan umat manusia dan makhluk-makhluk yang lain serta alam cekrawala di langit dan di bumi seperti yang difirmankan oleh Tuhan acap kali kita

jumpai di dalam Al-Quran, bahawa Tuhan menjadikan 7 petala langit dan 7 petala bumi. Bagi kita kalau kita membaca 7 petala langit dan 7 petala bumi ini tidak akan ada ertinya apa-apa kalau tidak disiasat dan diselidiki melalui ilmu pengetahuan.

Setakat ini ilmu pengetahuan yang ada kepada kita sejak kita dijajah ialah mengetahui bahawa rokok itu makhruh dan oleh kerana itu kita jadikan rokok sebagai satu motif untuk melarang orang supaya jangan merokok sedangkan yang lebih bahaya daripada merokok ialah arak, tetapi arak kurang mendapat perhatian oleh kerana pengetahuan kita tentang arak kurang, oleh kerana pengetahuan kita kenapa arak itu haram kurang, dan begitu proses pengharaman arak di dalam Quran itu tidak kita pelajari, mengikut pengetahuan Islam maka kita ketepikan hukum haram kepada arak, hanya yang menjadi motif kepada kita oleh kerana kita ini seorang yang sentiasa melihat manusia membakar wang dengan menghisap rokok, maka kita katakan rokok itu patutlah diberhentikan sekalipun hukumnya makhruh, katakanlah begitu. Ini sebagai satu contoh, betapa umat Islam itu memandang dari sudut pengetahuan yang biasa dicapai dari sudut ilmu pengetahuan yang biasa dipelajarinya dan oleh kerana itu aspek-aspek yang lebih tinggi yang lebih dalam tidak diketahui dan tidak menjadi perhatiannya sama sekali. Oleh itu, saya sekali lagi ingin memberikan tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini yang tegas untuk menjaga kepentingan ilmu pengetahuan di negara kita ini dengan mengenyahkan usaha-usaha kegiatan-kegiatan, perkembangan universiti yang mungkin tidak akan terkawal di masa yang akan datang kalau sekiranya dia dikendalikan oleh badan swasta, oleh kerana motif daripada badan swasta untuk melahirkan satu pengajian

tinggi mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu yang akan menyebabkan kita rumit menghadapi masalahnya di mana negara kita mempunyai bentuk yang agak berlainan dari negara-negara yang ada di dunia ini.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, kita perhatikan apa yang telah ditanam oleh Kerajaan penjajah dengan mewujudkan sekolah-sekolah swasta di samping sekolah-sekolah Kerajaan. Selama mereka itu menjajah negara kita dengan adanya sekolah swasta di satu pihak dengan pentadbiran organisasi yang tersendiri dan sekolah Kerajaan di pihak yang lain dan organisasi tersendiri, manakala kita telah mencapai kemerdekaan maka timbul suatu penghalang yang sangat besar bagaimana kita hendak menyelesaikan yang begini rumit sedangkan yang satu dibuat oleh swasta, yang satu lagi dilaksanakan oleh Kerajaan yang dijalankan oleh badan Kerajaan yang mahu atau tidak mahu kedua-duanya harus dicantumkan, diadakan percantuman diasimilasikan di antara satu dengan lain, tetapi yang satu merasa senang hati, yang satu tidak merasa senang hati, dengan tidak ada merasa senang hati inilah wujud perasaan kurang puas dan oleh kerana kurang puas inilah maka timbul perasaan untuk mewujudkan suatu institusi pengajian tinggi yang diura-urakan dengan hajat, dengan niat yang sebenarnya, tidak puas hati. Jadi kalau ini Kerajaan tidak membendungnya dari awal, maka kita akan menghadapi satu masalah yang lebih rumit yang hendak kita selesaikan pada masa yang akan datang. Mungkin generasi kita ini akan tenang pada melihatnya, tetapi generasi yang akan datang akan menghadapi masalah yang lebih rumit daripada yang ada sekarang.

Berbeza dengan akta yang sedang kita hadapi sekarang, pindaan akta yang ada di hadapan kita sekarang ini, iaitu suatu Akta di mana

mbolehkan penubuhan sebuah Universiti Islam yang terkawal di bawah undang-undang dan peraturan, serta Universiti Islam yang kita hendak tubuhkan ini bukanlah hanya sekadar untuk kita mewujudkan sebuah universiti atas inisiatif kita seorang tetapi adalah bantuan dan sokongan daripada negara-negara Islam di mana kita mengharap mereka akan dapat memberikan sokongan kepada universiti ini untuk kepentingan umat Islam sekurang-kurangnya di dunia kawasan ini.

Tujuan utamanya daripada universiti Islam ini saya kira, saya harap supaya dapat memperdalam atau menyebarkan pengetahuan Islam secara lebih meluas, lebih universal terhadap umat, tak kira adakah umat (orang) yang hendak belajar di universiti itu terdiri daripada keturunan Islam atau yang bukan Islam, asal mereka itu menjadi mahasiswa di universiti itu nanti akan dapat memperdalam ilmu pengetahuannya daripada sudut pandangan Islam yang lebih tinggi.

Pada saat sekarang ini, Tuan Yang Dipertua, malangnya Dakwah Islamiah di seluruh dunia ini diambil alih bahasa pengantarnya oleh Bahasa Inggeris. Di manapun juga dakwah diadakan di seluruh dunia ini, baik di Eropah mahupun di Timur maka bahasa pengantar untuk menyebutkan asas-asas Islam itu disebutkan atau dihantar menjadi bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris. Orang lebih dapat memahami Islam itu melalui Bahasa Inggeris, sama ada orang yang mendengarnya atau orang yang menyampaikan ceramah-ceramah Islam itu. Ini bererti bahawa di saat-saat yang akhir ini Bahasa Inggeris telah mendapat tempat di dalam Dakwah Islamiah, tempat ini ialah tempat Bahasa Arab pada asalnya kerana Bahasa Arab ialah bahasa yang menyatukan seluruh orang yang beragama Islam sejak

dahulu sampai sekarang, dari Timur sampai ke Darat, maka bahasa pengantarnya ialah Bahasa Arab, tetapi oleh kerana Bahasa Arab itu tidak diperluaskan dan malahan tidak mempunyai bidang ilmu pengetahuan yang lebih nyata di seluruh dunia maka usaha dan bidang bahasa itu terhad di dalam kawasan-kawasan di mana bahasa itu digunakan. Sekalipun mungkin sekarang ini Bahasa Arab itu telah dijadikan satu daripada bahasa antarabangsa di Bangsa-bangsa, tetapi masih lagi Bahasa Arab itu terkebelakang dibandignkan dengan Bahasa Inggeris yang telah lebih maju ke hadapan dan dapat digunakan dan malahan buku-buku Islam yang sekarang ini tersebar di seluruh dunia ini banyak menggunakan Bahasa Inggeris dan dengan Bahasa Inggeris inilah mereka dapat mempelajari Islam. Dengan demikian, pelajar-pelajar kita misalnya yang dahulunya mereka itu belajar di negara kita melalui sekolah menengah kita ataupun melalui universiti kita yang ada di sini dengan tidak mengetahui Bahasa Arab sedikit pun, malahan tidak pandai menulis tulisan jawi, manakala mereka ini pergi ke luar negeri, ke England atau ke Amerika misalnya, di sana mereka menghadapi atau berhadapan dengan badan-badan dakwah yang mengutarakan Islam itu dengan Bahasa Inggeris, maka dengan sendirinya mereka tertarik dengan dakwah melalui Bahasa Inggeris itu dan bukan sahaja mereka telah menjadi anggota dakwah tetapi kadangkala terdapat pakaian-pakaian mereka itupun bertukar daripada pakaian yang biasa kita pakai di sini misalnya menjadi pakaian-pakaian merupakan orang-orang dakwah seperti pakai jubah dan orang-orang wanitanya pakai tutup muka.

Tuan Yang Dipertua, ini membuktikan bahawa bahasa mempunyai peranan di dalam bidang ini. Oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Menteri apakah peranan Bahasa Arab di dalam universiti ini nantinya. Apakah Bahasa Arab itu menjadi satu bahasa yang dimestikan sehingga ia merupakan bahasa pengantaraan yang wajib di antara semua mahasiswa yang belajar di universiti itu di samping Bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran, katakanlah begitu. Kalau sekiranya kita katakan bahawa perlumbaan harus wujud di antara Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bersama-sama dengan Bahasa Arab sebagai juga bahasa pengantar di Universiti Islam Antarabangsa itu nantinya, saya khuatir Bahasa Arab akan ketinggalan jauh oleh kerana kader-kader ataupun penuntut-penuntut universiti itu nanti tidak akan ada daripada pelajar-pelajar yang pandai berbahasa Arab kalau misalnya dia datang daripada negara kita ini, Sebagaimana yang disebut oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat, kecuali kalau sekiranya mahasiswa itu mungkin datang dari Timur Tengah, Negeri-negeri Telok misalny begitu. Tetapi kalau sekiranya kita sudah membuat satu universiti di negara kita ini di atas sokongan negara-negara Islam, adalah malang kepada kita kalau sekiranya anak-anak kita tidak dapat diterima menjadi mahasiswa di universiti itu disebabkan semata-mata kerana bahasa, sebab Bahasa Arab tidak menjadi bahasa yang wajib di negara kita ini. Malahan tidak ada sebuah sekolah pun yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di negara kita ini yang boleh kelulusannya itu pergi menyambungkan pelajarannya ke universiti itu kecuali kalau sekiranya Kementerian Pelajaran menyediakan tempat-tempat di mana anak-anak kita itu memasuki ke sekolah-sekolah itu, macam pra-universiti di mana mereka boleh mendapat Bahasa Arab dan menguasai Bahasa Arab itu yang kemudian dapat melanjutkan pelajarannya ke Universiti Islam dan mendapat ilmu pengetahuannya di universiti itu. Kalau ini tidak

dilakukan, maka yang akan untung ialah mereka yang mendapat atau menguasai Bahasa Inggeris dan kalau ini juga menjadi satu kelayakan untuk memasuki universiti ini berbahasa Inggeris, Bahasa Inggerisnya mestilah terpuji (credit), maka anak kita juga akan tertinggal sebab Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah kita ialah merupakan satu matapelajaran sahaja sekarang tidak seperti masa-masa di zaman penjajahan di mana Bahasa Inggeris itu ialah bahasa pengantar, jadi kedua-duanya anak kita itu lemah, sama ada Bahasa Arabnya lemah dan juga Bahasa Inggerisnya juga lemah.

Sebagai contoh, anak-anak kita yang mendapat Gred I di dalam peperiksaan Tingkatan 5, kita hendak hantar mendapat scholarship Kerajaan, harus kita hantarkan ke pra-universiti lebih dahulu mengambil dua tahun atau satu tahun pelajaran Inggerisnya di luar sebelum ia memasuki sebarang universiti di luar negeri. Ini menunjukkan bahawa anak kita itu lemah di dalam Bahasa Inggeris. Jadi kalau ini berlaku, maka yang akan masuk ke Universiti Islam di Malaysia ini orang lain, kita terhalang bukan kerana tidak ada kemudahan tetapi tidak ada kelayakan. Jadi apakah yang hendak dibuat oleh Menteri Pelajaran persediaannya dari sekarang supaya kita jangan bermegah sahaja dan dalam keadaan arena politik kita mengatakan kita telah mewujudkan sebuah negara di mana Islam menjadi agama rasmi—Universiti Islam, Bank Islam—Islam, Islam—kita sokong, tengok orang kita tak ada di dalamnya. Semua Islam, tekan bukan main kuat-kuat, lebih-lebih lagi kalau orang-orang muda, jadi Menteri pula orang muda. Jadi dia akan tekan macam ini, Islam, Universiti Islam, ini Islam, itu Islam, tengok apa yang dapat, tidak ada orang Malaysia. Orang Islam ada, orang Malaysia tidak ada. Jadi jangan macam itu jadinya

kita. Dalam sorak sorai kita menang, dalam mengatakan ke luar negeri kita menang tetapi Islam soal jangka panjang anak-anak kita, kita rugi. Jadi harus ada satu projek yang kita hendak buat, jambatan yang mesti kita sediakan. Anak kita ini hendak ke mana.

Tuan Yang Dipertua, dahulu waktu Kolej Islam di Kelang ini hendak kita wujudkan telah timbul bermacam-macam masalah. Siapakah orangnya yang hendak duduk di Kolej Islam sebelum Kolej Islam itu menjadi sekolah menengah. Sekarang ini menjadi sekolah menengah Kolej Islam itu, dahulu tidak menjadi sekolah menengah, dia diiktiraf oleh Universiti Azhar sebagai kelulusan B.A., hanya dia boleh ambil M.A. di Azhar, sekarang tidak. Waktu itu dibahaskan siapakah orangnya yang akan duduk menjadi penuntut di Kolej Islam Kelang itu sedangkan sekolah-sekolah Arab yang di bawah langsung tidak ada. Akhirnya apa yang dibimbangkan oleh orang berlaku, sekolah-sekolah agama yang berselerak di seluruh tanahair kita ini makin lama macam ekor tikus, kian ke hujung kian runcing, lama-lama langsung tirus. Sekolah Agama misalnya di Gunung Semanggul di mana mereka itu mengeluarkan penuntut-penuntut Islam yang boleh berbahasa Arab, waktu itu yang boleh masuk ke Kolej Islam sudah mengubah haluannya oleh kerana mereka perlu kepada memasuki peperiksaan SPM, SRP; mesti ada kelulusan SRP, mesti ada kelulusan SPM, Bahasa Malaysia begitu begini, sehingga agama apa pun palajaran Bahasa Arab satu mata pelajaran. Maka terpaksa sekolah itu dialih. Akhirnya, Kolej Islam di Kelang ini terpaksa dialih daripada Kolej Islam yang berbentuk Kolej Universiti daripada Azhar kepada sekolah menengah sahaja yang dia boleh melanjutkan pelajarannya ke Azhar

sekarang. Jadi jangan kita jatuhkan mertabat ataupun peringkat sekolah-sekolah yang kita harap.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan sebenarnya daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apakah rancangan yang hendak dibuat kepada sekolah agama yang ada sekarang yang masih wujud lagi, ada sedikit-sedikit lagi, adakah sekolah agama sekarang ini hendak kita suruh mereka itu supaya mewujudkan bahasa pengantarnya Bahasa Arab dengan ilmu pengetahuannya melalui Bahasa Arab dan kemudian masuk peperiksaan mengikut peperiksaan cara kita dapat SPM, SRP; kemudian di samping itu dapat juga sijil Bahasa Arab Thanawi IV atau V dan kemudian mereka boleh sebagai alasan sijilnya itu untuk masuk ke Universiti Islam Anatrabangsa yang kalau diinterview dalam Bahasa Arab dia boleh menjawabnya. Adakah itu hendak kita buat atau tidak? Kalau tidak, maka saya khuatir seperti yang saya katakan tadi kita akan hanya memberikan tempat, gunung-gunung kita ini akan cantik molek dan berhawa dingin tetapi ialah untuk orang-orang lain dan kita hanya melihat setahun sekali orang buat konvekesyen dan kita akan menyerahkan sijil-sijil anak kita di antara 2,000 orang, hanya 200 orang misalnya. Ini yang menyedihkan kita pada masa yang akan datang.

Yang kedua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada masalah pelajaran secara umum, Islam secara umum, apakah fakulti yang hendak dibuat di dalam Universiti ini. Jangan ada orang memikirkan bahawa Islam itu harus diadakan fakultinya secara Syariah atau Usulluddin. Syariah dan Usulluddin ini kepada anak-anak kita di Azhar itulah dia pelajarannya, kalau Syariah jadi Kadi dan kalau Usulluddin boleh mengajar. Tuan Yang Dipertua, saya minta supaya

pelajaran fakulti yang hendak dibuat di Universiti Islam itu ialah fakulti yang diperlukan hasilnya oleh rakyat kita terutamanya. Misalnya kita perlu kepada Fakulti Perubatan, Fakulti Perubatan ini ada asasnya di dalam Islam dan orang-orang yang mengaji di Fakulti Perubatan itupun orang yang belajar juga tentang asas-asas ilmu perubatan daripada sarjana-sarjana Islam, daripada ahli-ahli Islam yang mengasaskan ilmu perubatan ini dan mereka yang belajar di dalam pengajian perubatan mempelajari juga asas-asas ini. Asas-asas ini datangnya dari Islam tetapi tidak diperluaskan. Orang-orang Barat setelah kejatuhan Islam telah mengambil kemajuan pengetahuan Islam lalu dicapnya itu mereka yang buat, serupa jugalah orang-orang England yang menyuruh orang-orang Hongkong membuat baju. Orang Hongkong kerana di Hongkong tukang jahitnya murah, kainnya pun murah datang daripada Taiwan maka dijahit. Sampai di England maka dicap sahaja "Made in UK"—Buatan England. Jadi inilah perbuatan orang-orang Eropah, ilmu pengetahuan itu ialah asalnya dari Islam tetapi dicapnya "Made in United Kingdom", sudah kita katakan itu UK punya, kita pun berkejarlah ke sana, berlari-larilah kita di sana. Sekarang yang pandai meniru cara orang-orang Eropah ini ialah orang Jepun. Dia pun ke mana pergi, dia cap "Made in Japan".

Pada suatu masa dahulu waktu saya menjadi anggota rombongan perwakilan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, saya naiklah rumah yang tinggi sekali itu, bila saya naik sampai ke atas, saya hendak beli satu benda souvenir, untuk ingatan hendak bawa balik. Saya beli yang di atas puncak sana bawa balik. Bila sampai di hotel, saya tengok-tengok dan belek-belek, "Made in Japan"—Buatan Jepun, Tuan Yang Dipertua. Punya pandai orang Jepun buat, di tempat di mana manusia suka pergi melancung di sana,

di sana barangnya ada, orang yang menjualnya ialah orang Amerika, orang putih tetapi buatan itu daripada orang Jepun. Oleh kerana orang Jepun ini Mr Yokohama, Mr Nagasaki ataupun Mr Suzuki ini, dia sudah kejar Mr Norton, Mr BSA, Mr Triumph. Sekarang Mr Triumph sudah tidak ada, sebab Mr Nagasaki atau Suzuki sudah kejar dia dengan dia punya motosikal Nagasaki, dengan motosikal Suzuki, dia kejar Mr Triumph. Triumph sudah tidak jumpa sekarang, BSA tidak jumpa sekarang, lari orang ini semua. Maka berkejarlah pula kita tengok sana negeri "Kanechiwa". Jadi sebab itu keadaan curi mencuri, tarik menarik di dalam ilmu pengetahuan adalah sesuatu hal yang biasa berlaku di dalam dunia ini seperti yang berlaku kepada umat Islam di saat ketinggiannya dan di waktu kejatuhannya. Bila kita sudah jatuh, kita kena pijak semua sekali.

Jadi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat sahabat saya Menteri iaitu bahasa yang digunakan, yang keduanya pengetahuan yang hendak diajar, fakulti yang hendak diajar di Universiti Islam Antarabangsa ini. Biarlah fakulti yang diperlukan oleh umat, jangan hanya sekadarkan Usulluddin dengan Syariah sahaja. Biarlah fakultinya perubatan, pergigian, sejarah, perniagaan, business studies, engineering, tetapi asasnya Islam. Sebab ada di dalam Quran, di dalam hadis, di dalam pengetahuan agama sepenuhnya ada. Maka pensyarah-pensyarah ini mestilah berlandaskan kepada Al-Quran sehingga penuntut-penuntut Islam tahu bahawa yang dipelajarinya ini itulah ajaran Islam dan kerana itulah kita buka pintu universiti ini kepada yang bukan Islam. Kita buka kepada yang bukan Islam supaya masuk ke dalam universiti ini supaya mereka tahu, belajar itu bukan hanya sembahyang yang dikatakannya Magrib ini, oh! oh! ini apa? Bukan itu sahaja Islam, bukan

“bang” sahaja itu Islam. Itu tanda sahaja tetapi pengetahuan Islam itu meliputi, kerana itulah saya katakan tadi Allah menjadikan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dan barang di antara keduanya.

Apa dia di antara keduanya di antara langit dengan bumi ini, tujuh petala bumi ke bawah? Kita tahu korek kita punya bumi barangkali satu petala lagi di Terengganu, baru suku petala kita sudah jumpa berapa banyak minyak, belum tujuh petala lagi. Sedikit petala sahaja kita sudah jumpa minyak. Tuhan kata, “Aku jadikan tujuh petala bumi”. Kita tahu hanya sebesar cangkul cap buaya, kita cangkul cap buaya, cangkul, cangkul kita tanam, yang kita tanam ubi, kemudian tiga bulan selepas itu dapatlah ubi sebesar ini. Itu sahajalah yang kita dapat. Tetapi Tuhan mengatakan, “Aku jadikan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi”. Engkau koreklah sampai tujuh petala bumi. Ilmu pengetahuan ini datangnya dari mana? Daripada pengkajian-pengkajian tinggi. Saya harap Universiti Islam kita ini akan menyuarakan, akan mendedahkan ilmu pengetahuan Islam ini secara total kepada umat baik Islam atau tidak tentang asas pengetahuan Islam ini, pengetahuan dunia ini memang datangnya daripada al Islam daripada Al-Quran ini dia alasannya, ini dia alasannya dan oleh kerana itu manusia yang ada di dunia ini kalau pun tidak mahu masuk Islam, hormat kepada Islam bahawa pengetahuan yang diajar yang dibawa oleh Nabi Muhammad melalui Al-Quran itu satu ilmu yang tidak ada tolak bandingnya sampai sekarang dan sampai di masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua, sebagai satu pengkajian yang harus dikaji tentang apakah betul teori Darwin mengatakan bahawa manusia ini datang dari kera. Ini harus dibuat pertentangan daripada Universiti Islam Antarabangsa ini. Betulkah

Darwin punya teori ini atau tidak. Teori Darwin mengatakan manusia ini dengan evolusinya dari kera menjadi manusia. Maka kita hendaklah menunjukkan bahawa teorinya itu bohong, salah dan tidak berasas. Bahawa di dalam Al-Quran mengatakan bahawa manusia ini terdiri, dijadikan daripada Adam. Adam dijadikan daripada tanah dan Tuhan membuat apa yang dia suka. Jadi pengkajian seperti ini, pengkajian kehidupan ilmu hayat, ilmu biologi dan segala-segalanya yang berkaitan dengan pertumbuhan alam manusia harus mendapat perhatian ataupun mendapat tempat di dalam Universiti Islam yang bukan hanya sembahyang, puasa. Sembahyang, puasa sebahagian kecil daripadanya, sebahagian kecil sahaja, satu rubuk sahaja daripada rubuk yang lebih besar daripada Islam. Maka saya harap Universiti Islam Antarabangsa kita di Kuala Lumpur atau di Malaysia ini benar-benar ia menjadi “Marcusuar”. “Marcusuar” ertinya menjadi satu lambang bahawa Islam itu memancar ke Timur dan ke Barat sepertimana dia pernah memancar dan sinarnya pernah menerangi seluruh lautan Mediterranean pada satu masa melangkahi selat-selat Dardanel, melangkahi Padang Pasir Sahara di Afrika dan pernah menegakkan kalimah Tauhid di Cordoba dan Carnada. Tujuh ratus tahun menggerakkan umat Eropah yang sedang lena dan sedang bercawat. Ini harus diikuti kembali oleh Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia ini. Kalau tidak, kita akan ditertawakan orang sahaja.

Saya mengucap berbanyak terima kasih atau tahniah kepada Kerajaan kita yang berani menerima risiko ini, dan berani menerima tanggungjawab ini terutamanya di dalam tempoh seperti sekarang. Menteri kita sanggup menghadapi ini.

Saya doakan supaya pemimpin-pemimpin kita ini panjang umur,

rezeki murah, penyakit dijauhkan Tuhan dan supaya dapat mereka melihat lahirnya sebuah Universiti Islam Antarabangsa di mana di dalamnya penuntut mahasiswa-mahasiswi, tidak ada mahasiswi, sebab dalam Islam tidak ada mahasiswi dalam satu kumpulan mahasiswa. Kita bukan hendak mewujudkan satu co-universiti sepertimana universiti yang lain. Orang kata kita ortodok, ortodoklah; orang kata kita ini konservatif, konservatiflah. Apa kita peduli dengan perkataan setan seperti itu. Kita kata kita tidak mahu di dalam universiti kita itu bercampur lelaki dan perempuan. Kalau kita mahu lelaki, satu universiti, perempuan satu universiti, baru dia berbentuk Islam. Kalau tidak maka akan jadilah apa yang akan berlaku seperti yang berlaku di Universiti di Eropah, di Universiti di Amerika di antara anak gadis 1,000 orang, 100 orang hanya dua orang sahaja yang masih dara, selain daripada itu semua sudah "gol". Kita tidak mahu macam itu. Kita tidak mahu seperti itu dan kita tidak mahu jatuhnya moral oleh kerana mereka itu graduate, graduan, ada B.A., ada M.A., ada Phd., B.sc., oh!, dia boleh lindungi dirinya daripada kekotoran akhlak. Demi Allah kita tidak akan mempertahankan mereka dari perbuatan keruntuhan akhlak dengan ijazah-ijazah yang mereka bawa di hadapan kita. Kerana itu saya memberi tahniah kepada Kerajaan, kalau kita hendak buat satu universiti untuk wanita, kita buat satu universiti untuk wanita, Universiti Islam khas untuk wanita, pensyarahnya wanita, semuanya wanita, jangan dicampurkan lelaki. Kalau dicampurkan lelaki, bukan sahaja mahasiswa dengan mahasiswi melanggar hukum-hukum Islam yang dia belajar, nanti pensyarah-pensyarah pun tanggal jubahnya manakala melihat ini semua.

Tuan Yang Dipertua, ini harus kita pertahankan. Pertahankan maruah

kita di antara mata dunia sebab bagi manusia yang tidak bermaruah seksual ini, dia kata perkara biasa sahaja, kulit dengan kulit tiada apa-apa. Ini manusia yang telah jatuh moral. Kulit dengan kulit tidak ada apa-apa, cuma dia gelembong, dia kempis, dia gelembong dia kempis, itu sahaja, tidak ada apa-apa. Orang yang telah jatuh moralnya memang memandang tidak ada apa-apa. Tetapi Islam memandang berat bahawa manusia yang tidak mempunyai ayah di dalam Islam tidak ada walinya, tidak boleh mewarisi. Besar hukumnya di dalam Islam, berat hukumnya di dalam Islam dan Undang-undang Islam, kerana itu keturunan di dalam Islam adalah keturunan yang bersih, yang mesti dijaga dan dipelihara kerana itu saya beri tahniah kalau Menteri menyatakan kami tidak akan buka pintu untuk wanita maka sayalah yang telah dahulu mengangkat tangan hormat kepada Menteri ini. Kalau tidak—tak tahulah (*Ketawa*).

Oleh kerana itu Tuan Yang Dipertua, saya menekankan sekali lagi supaya di dalam Universiti Islam Antarabangsa ini utamakanlah ilmu pengetahuan yang berkait langsung dengan kepentingan dan keperluan hidup manusia. Misalnya pertanian walaupun kita mempunyai Universiti Pertanian. Apa salah kita adakan satu Fakulti Pertanian di Universiti Islam sebab di sekeliling Universiti itu ialah hutan. Apa salahnya kita minta hutan di keliling itu dibuat satu eksperimen tanam cili, lada, teh dan misal kata daripada negeri Arab banyak pensyarah apa salah kita cuba menanam korma di bukit itu. Mana tahu korma boleh mengeluarkan hasil seperti kita telah tanam anggur di dalam negeri kita ini dan telah mengeluarkan buah walaupun rasanya berlainan sedikit, orang manis kita masak tetapi sudah macam anggur. Jadilah, Alhamdulillah juga. Serupa juga kita cuba membuat kilang gula walaupun gula orang itu putih, gula

kita hitam, orang untung kita rugi, tetapi ala kulihal kita sudah cuba, kalau tidak betul kita berhentikan, kita buat cara lain, boleh jadi cara kita itu tidak betul.

Jadi, buat Fakulti Pertanian di mana asasnya Islam. Sebab Tuhan berfirman di dalam Al-Quran: Kami telah menjadikan daripada air semuanya hidup. Ada di dalam Al-Quran perkara itu. Kami telah jadikan daripada air, semuanya yang mati jadi hidup. Buat eksperimen bagaimana pelajar-pelajar kita buat dan usahakan. Bagaimana hendak membuktikan ayat Allah s.w.t. itu di dalam fakulti tersebut atau kita buat fakulti misalnya Fakulti Perniagaan. Sekarang kita hendak buat Bank Islam. Bank Islam pinjam kakitangan daripada Bank Bumiputera, bank itu dan bank ini, kenapa kita tidak lahirkan daripada institusi-institusi kita orang-orang yang betul daripada awal sampai akhir otaknya itu kita isi dengan asas Islam. Sehingga dia keluar daripada Fakulti Perniagaan dalam jurusan business studies, banking dan sebagaimana daripada asas-asas Islam ini sehingga dia boleh menjalankan Bank Islam yang telah kita luluskan Rang Undang-undangnya baru-baru ini. Barulah ada asas itu.

Sekarang kita baru hendak isytiharkan pula satu lagi Undang-undang Insurans Islam. Mana orangnya ini? Bank Islam berapa banyak kita hendak gunakan orang, mana orangnya yang hendak jalankan ini? Dr Abdul Halim Othman seorang sahaja tidak cukup, dia tidak sanggup. Kita hendak ramai. Tidak perlu yang akan membantu nanti mesti orang Islam, orang Melayu, yang pentingnya ialah orang yang berpengetahuan Islam walaupun dia bukan Islam yang keluar daripada Universiti Islam itu yakni graduan-graduan daripada Universiti Islam Antarabangsa berkaitan dengan business, berkaitan

dengan perniagaan dan bermacam-macam maka dia boleh menjalankan secara Islam walaupun dia itu bukan Islam. Apa lagi kalau dia Islam adalah lebih baik asas-asas itu, lebih-lebih lagi kalau bahasa yang diajar itu bahasa Arab. Kalau seorang bernama Encik Ramany misalnya dia jumpa dengan seorang Melayu, "Assalamualaikum", bantai bahasa Arab dengan kita, kanjal juga buatnya orang Islam jikalau seorang mahasiswa daripada Universiti Islam Antarabangsa ini keluar besok dia pandai bahasa Arab, dia bukan Melayu, dia bukan Islam, tetapi pandai bahasa Arab, kita orang Melayu, orang Islam yang tidak pandai bahasa Arab akan terasa bahawa kita telah ketinggalan, maka timbullah perasaan untuk berlumba-lumba dalam soal ini.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa Universiti Islam ini besar faedahnya dan demand daripada sudut pengeluaran. Janganlah ada orang memikirkan macam mana besok orang ini hendak bertugas, takkan dia hendak jadi D.O. sahaja. Janganlah kita fikir bahawa graduan kita ini semuanya hendak jadi D.O. dan semua hendak jadi Ketua RISDA, FELDA, MAJUIKAN dan sebagainya sahaja, fikirkanlah juga bahawa anak-anak kita ini akan jadi banker di Bank Islam, akan jadi importer and exporter cara Islam, akan jadi tycoon Islam. Itulah yang hendak difikirkan dan janganlah difikir bagaimana hendak jadi manager FELDA, MAJUIKAN, MAJUTERNAK, jadi D.O. atau A.D.O. sahaja. Ini disebabkan orang kita ini termakan di kepalanya, Tuan Yang Dipertua, sejak dahulu D.O. itu lebih besar daripada Raja. Itu dulu! Sebab Raja pun mahu tanah minta daripada D.O. (*Ketawa*). Sebab itu orang kata D.O. itu lebih besar daripada Raja. Raja pun kalau minta tanah pergi jumpa tuan D.O. juga. Jadi orang sudah termakan di kepala bahawa D.O. itu lebih besar daripada

Raja, jadi anak-anak kita hendak jadi D.O. semua sekali. Jangan fikirkan itu, masa hadapan ini bukan semuanya anak-anak kita yang graduan ini akan jadi D.O. tetapi fikir bagaimana dia hendak jadi ahli politik yang akan jadi menteri. Takkanlah Menteri yang ada ini akan jadi Menteri selama-lamanya, sudah hendak mati semua (*ketawa*), sudah tua-tua dan sudah hendak pencen. 10 tahun yang akan datang semuanya sudah bongkok. Jadi siapa yang hendak ganti kita. Yang hendak ganti kita ialah graduan-graduan kita yang keluar daripada Universiti Islam ini. Barulah berkembang bendera Islam, berlawanlah dengan universiti-universiti lain.

Sekarang semua pengajian Islam kita menumpang di Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains dan lain-lain. Tidak payah itu. Kita jalan terus. Tetapi universiti ini yang bukan kita punya 100% ini didukung oleh dunia Islam, biar kita ambil kesempatan ini untuk kepentingan masa depan kita, negara kita, untuk masa depan Perdana Menteri kita. Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2000 ialah keluar daripada Universiti Islam Antarabangsa, bahasa Arabnya, bahasa Ingerisnya, bahasa Belanda, bahasa Perancis, bahasa orang Batu 12 pun boleh. Itu dia hendaknya. Jadi inilah kedudukan Islam sebenarnya di dalam pengetahuan dan di dalam ilmu pelajaran.

Jadi, saya mendoakan supaya Universiti Islam ini benar-benar didukung oleh seluruh negara Islam. Kita berterima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Islam yang bersedia menyokong kita dan menghantar pensyarah-pensyarah. Saya mengucapkan banyak terima kasih dan tahniah kepada Perdana Menteri kita serta Menteri Pelajaran yang bersungguh-sungguh menghendaki ini dan hendak mencipta

serta hendak melihat mudah-mudahan ia akan menjadi satu kenyataan, kenyataan yang akan dapat dinikmati oleh umat Islam di masa yang akan datang sebagai satu cemeti atau pemukul kepada orang yang berkata bahawa Kerajaan sekarang anti-Islam. Ada orang yang berkata Kerajaan sekarang tidak mahu kepada undang-undang Islam, tidak mahu kepada hukum Islam. Kita jadikan ini sebagai pemukul, siapa yang bercakap begitu kita katuk kepala dia dengan undang-undang ini supaya dia sedar bahawa kita pun berjuang kerana menegakkan Islam, lebih sayang daripada orang yang bercakap, tetapi kita berbuat sekadar yang kita boleh buat dan mudah-mudahan Tuhan tidak akan mengazab kita kalau kita tidak mempunyai daya di dalam melaksanakannya.

Sekadar itu, Tuan Yang Dipertua, kita doakan supaya panjanglah umur ketua-ketua kita ini dan berjalan hendaknya Universiti Islam ini dengan dilimpahkan rahmat oleh Allah s.w.t.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.21 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Saya tidak payah mengulang-ulang apa yang sudah dicakapkan oleh saudara-saudara saya Yang Berhormat tetapi kita menyebut Universiti Islam ini ada empat aspek yang besar yang harus diambil oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan khususnya.

Yang pertama, kita hendak mendirikan Universiti Islam di tanah-air kita ini modal dahulu—kita hendak dirikan ini kewangan. Berapa ratus million atau berapa billion ringgit ini harus kita kaji. Apa yang mesti menjadi teras dalam pemodalan ini

harus diingat oleh Kerajaan iaitu bagi menjaga maruah Malaysia sekurang-kurangnya 51% daripada modalnya membangunkan Universiti Islam ini hendaklah ditanggung oleh Malaysia sendiri. Saya amat tidak bersetuju kalau misalnya satu per empat atau per lima daripada modal membangunkan Universiti ini ditanggung oleh Malaysia sendiri. Yang sebenarnya, sekurang-kurangnya 51% mestilah Malaysia sebab Malaysia menjadi tuan rumah, tuan punya secara tidak langsung universiti yang akan kita dirikan di tanahair kita ini. Tidak bermakna langsung jikalau modal kita kurang daripada 51% kita dirikan universiti di tanahair kita.

Saya tahu negara Islam yang kaya dengan minyak boleh menanggung semua, sebab negara-negara Islam yang kaya minyak dalam dunia banyak, dia kalau mahu semua dia boleh tanggung, tetapi Kerajaan Malaysia yang bermaruah yang memegang Islam, yang menetapkan Islam harus bertanggungjawab kerana Allah akan menolong hambanya yang mahu menolong diri sendiri dan menjauhkan dirinya sendiri. Itu yang pertama harus diambil ingatan.

Yang kedua, pengelola ataupun Pengarah yang berkuasa dalam Universiti ini tentulah kita akan gambarkan seluruh pakar-pakar Islam dalam dunia ini akan diambil. Di sini juga haruslah Malaysia jangan kata orang gah nama daripada perbuatan ataupun gah nama daripada yang sebenarnya menterasi Universiti Islam ini. Saya malu dihitam-putihkan dalam surat dan gariskan hak-hak pengarah yang berkuasa dalam Universiti Islam mahulah separuh ataupun sekurang-kurangnya 50% ataupun 60% pengarah-pengarah terdiri daripada pakar-pakar Malaysia sendiri. Saya juga mengharapkan dalam hal ini kuasa penuh dalam Universiti Islam Malaysia ini hendaklah kuasa di

bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, bukan daripada mana-mana kerajaan Islam dalam dunia yang lain.

Tentang pelajaran, barangkali apabila kita pejamkan mata apakah pelajaran dalam Universiti Islam ini. Adakah serupa macam Universiti Malaya atau serupa dengan Universiti Beirut atau serupa dengan Universiti Cairo yang beratus tahun Islam atau lain-lain universiti di Tehrankah atau lain-lain dalam dunia Islam yang lain? Pada pendapat saya tentu lain daripada Universiti Islam yang dibuat daripada dunia Islam yang lain. Sebab adalah azam Kerajaan kita ini hendak menerapkan jasmaniah dan rohaniah yakni ilmu dunia sebagai yang ada di seluruh universiti dalam dunia ini dengan ilmu Islam. Oleh itu, apabila kita bercakap fasal Universiti Islam janganlah kita ingat sebagaimana yang ada di seluruh dunia atau khas di tanahair kita ini. Sebenarnya pendapat saya tidak lari iaitu Universiti Islam yang lain akan didirikan ini ialah mencantumkan di antara dunia dan akhirat. Misalnya, semua pengetahuan kedoktoran, enjiner, akauntan dan lawyer diterapkan sebagai biasa juga tetapi diserapkan dengan amalan-amalan pengajian Islam. Itulah baharu ada erti Universiti Islam yang sebenar-benarnya. Saya yakin itulah yang akan dijalankan oleh Kerajaan kita ini dalam Universiti Islam yang kita dirikan di Malaysia.

Jadi, di samping itu ada sahabat saya tadi menyoalkan fasal bahasa, bahasa Arab dan bahasa Inggeris, tetapi di dalam Islam semua bahasa pun boleh. Allah taala faham semua bahasa. Jadi, pada pendapat saya bahasa Malaysia haruslah menjadi salah satu daripada teras bahasa Universiti Islam, kalau tidak adalah lari daripada tujuan kita dirikan Universiti Islam di Malaysia ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri

Pelajaran mengambil ingatan yang khusus supaya Bahasa Malaysia menjadi salah satu bahasa dalam Universiti Islam, sebab sebagaimana saya kata Allah tidak akan mengubah nasib kita kalau kita sendiri tidak mahu mengubah. Kita sendiri mahu meletakkan bahasa kita di dalam universiti yang hendak kita dirikan. Barangkali siapa yang menjalankan Universiti Islam tidak menteraskan salah satu bahasa, bahasa dia sendiri orang itu dipertanggungjawabkan di generasi kita yang akan datang. Mungkin dalam tahun 2000 akan datang di dalam kubur dia akan dikutuk oleh cucu-cucunya sebagai perosak bahasa, perosak bangsa. Sebab itu saya mahu terus terang katakan supaya dia ingat bahasa ibunda kita menjadi salah satu bahasa teras dalam Universiti Islam yang kita tunjukkan kepada dunia, kita ada identiti sendiri di samping kita menerapkan agama kita agama Islam. Itu yang keempat.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, saya ulang balik, jangan lupa apapun universiti yang hendak kita dirikan, Universiti Islam khususnya di tanahair kita ini mestilah di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tidak ada tolak ansur. Rakyat Malaysia khususnya bangsa Islam di negara ini dan di seluruh kepulauan Melayu ini, keturunan Melayu di lautan teduh tidak mengizinkan jika kuasa luar daripada kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai lambang Kerajaan negara kita.

Selain daripada itu bagi menerapkan kuasa dan menseimbangkan dengan kuasa kewangan, saya mahu orang yang paling berkuasa, fasal ini amat mustahak. Apabila kita menyebut Universiti Islam dia selari sejalan dengan Bank Islam dengan segala urusan pentadbiran dalam negeri ini dengan Islam tidak boleh lari. Jadi, saya harap Kabinet akan menimbangkan orang yang paling kuasa dalam Universiti dilantik yang semua pakar-pakar bersetuju melantik, dialah yang bertanggungjawab dalam Universiti Islam. Orang itu hendaklah dilantik sekurang-kurangnya menjadi Senator di dalam Dewan Parlimen Malaysia ini supaya dia bertanggungjawab apabila soal berbangkit dalam perkara besar dalam perjalanan Universiti Islam yang akan datang. Ini bukan perkara kecil. Yang sebenarnya kita terasa sebagai satu mimpi, meneroka satu benda yang paling gagah, yang paling agung hendak kita terapkan dalam negara kita. Kalau saya fikirkan ukuran 13 juta umat Malaysia adalah terlalu kecil sebagai angan-angan Mat Jenin hendak mendirikan sebuah Universiti Islam yang bertaraf antarabangsa.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 10hb Januari, 1983.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*